



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

CAWANGAN SKUAD PRIHATIN & SINERGI



Penasihat:

EN. ISMAIL BIN ABI HASHIM (KETUA CAWANGAN SKUAD PRIHATIN DAN SINERGI)

Pengarang:

EN. MOHD NAJMI BIN ABDUL HALIM (PENYELIA PROGRAM SOCIAL SYNERGY)

Pen. Pengarang:

EN. KAIRIE BIN KUZI (KORDINATOR PROGRAM SOCIAL SYNERGY)

Penyunting:

ATIKA SUHAILAH BINTI SHuib (PELAJAR PRAKTIKAL)

MYRA QISTINA BINTI ROSLEY SHAH (PELAJAR PRAKTIKAL)

NURUL ATIKAH BINTI MUHAMAD DAUD (PELAJAR PRAKTIKAL)

Kandungan dan Gambar: **SISTEM MYSYNERGY & FACEBOOK PERKESO NEGERI**

Diterbitkan Oleh:

Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi

Pejabat Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Menara PERKESO,

281, Jalan Ampang,

50538 Kuala Lumpur, Malaysia

Faks: 03 - 42567798

E-mel: perkeso@perkeso.gov.my

<https://www.perkeso.gov.my/en/>

Tidak ada bahagian daripada buku ini yang dapat diterbitkan dalam bentuk atau dengan cara apa sekalipun tanpa izin terlebih dahulu daripada pemegang hak cipta dan penerbit.

Semua kandungan dan gambar yang dipaparkan dalam penerbitan ini adalah hak milik PERKESO, kecuali dinyatakan sebaliknya.





SKUAD PERKESO PRIHATIN

Melangkawai Ekspektasi Pelanggan



**Proaktif,
Pantas & Efisyen**



**Sistem Penyampaian
Perkhidmatan**

**Media Sosial
Media Massa
Podcast**





SKUAD PERKESO PRIHATIN

Melangkawai Ekspektasi Pelanggan

Mengambil tindakan segera bagi kes kemalangan melibatkan orang berinsuran yang disiarkan melalui media, pertanyaan daripada agensi kerajaan yang berkaitan, pimpinan masyarakat setempat, pemimpin persatuan dan aduan yang berkaitan dengannya sehingga kes berkenaan diselesaikan. Menggunakan kaedah 'search and serve' bagi memastikan tindakan proaktif dan segera dapat dilakukan



Membantu orang berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka melalui tindakan pantas dan segera tanpa melalui proses biasa prosesan faedah serta mendekatkan hubungan orang berinsurans, majikan dan PERKESO sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin dan dekat di hati rakyat.

OBJEKTIF

Sense of urgency di dalam membantu mereka yang memerlukan

Menyemai budaya masyarakat prihatin

Bentuk jaringan
networking

Dekat dihati rakyat




PROSES KERJA SKUAD PERKESO PRIHATIN





**Kita mampu lakukan sesuatu
membantu mereka.**





....SEKADAR BERSIMPATI....



.....BERKONGSI/GAMBAR
VIRAL







SAMBUT RAMADHAN TAHUN INI TANPA AYAH

31 Mac 2021

Skuad Prihatin PERKESO PERLIS yang diketuai oleh Pengarah PERKESO Perlis, Encik Basharudin bin Khalid bersama-sama YB Santan Tuan Azinan bin Sulaiman Merangkap Exco Perumahan & Kerajaan Tempatan, Penjaja & Peniaga Kecil dan Pembangunan Usahawan & Industri Kecil telah menyampaikan Bayaran Faedah Pengurusan Mayat dan Pencen Penakat kepada balu arwah Hafizuddin dan 2 orang anaknya di rumah ibu mentuanya di Kg Santan, Kangar pada 31.3.2021.

Arwah Mohd Hafizuddin bin Ibrahim yang terlibat dalam kemalangan jalanraya pada 27/3/2021 semasa dalam perjalanan untuk berpindah ke Selangor selepas mendapat kerja baru di sana. Pada hari kejadian, arwah memandu kereta bersendirian ke rumah baru beliau. Manakala isterinya, Siti Aishah binti Man menaiki bas Ekspres dari Kangar dan mendapat perkhabaran berita sedih semasa dalam perjalanan ke sana.

Susulan daripada maklumat awal melalui media sosial ('Whatsapp Group'), tindakan segera telah dilakukan oleh Skuad Prihatin PERKESO Perlis dan Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2000 telah dibayar. Balu dan anak-anak arwah juga layak mendapat Pencen Penakat secara bulanan sebanyak RM1010 (Balu akan mendapat pencen seumur hidup manakala anak-anaknya menerima pencen sehingga mereka berumur 21 tahun mengikut syer).

KUNJUNGAN KASIH PERKESO PRIHATIN

Pihak PERKESO Perlis telah berkunjung ke rumah Orang Berinsurans (OB) untuk menyampaikan sumbangan kepada mereka.



27 Januari 2021

Lawatan oleh PPN Perlis, Encik Basharudin bin Khalid dan Pegawai Pemulihan untuk penyerahan cek faedah dan alat pemulihan.



10 Februari 2021

Lawatan PPN Perlis, Encik Basharudin bin Khalid dan Pegawai Pemulihan untuk memantau keadaan terkini OB dan menyerahkan sumbangan Tahun Baru Cina.



9 Februari 2021

Lawatan PPN Perlis, Encik Basharudin bin Khalid dan Pegawai Pemulihan untuk memantau keadaan terkini OB dan menyerahkan sumbangan Tahun Baru Cina.

BALU SERTA LIMA ANAK ANGGOTA MPK MENERIMA FAEDAH PENAKAT PERKESO



28 September 2020

Kemalangan maut yang meragut nyawa seorang anggota Majlis Perbandaran Kangar (MPK) pada 16 Sept 2020 telah dikesan oleh pihak Skuad Perkeso Prihatin seterusnya tindakan segera diambil.

Walau bagaimanapun, siasatan bagi melengkapkan kes agak tertangguh disebabkan keluarga tersebut masih bersedih sehingga pihak waris bersedia untuk bekerjasama.

Penyampaian cek dilakukan oleh Pengarah Perkeso Perlis, Encik Basharudin bin Khalid kepada balu anggota yang turut dihadiri Yang Dipertua MPK, Encik Wan Ahmad Fazli bin Wan Khamis.





MENINGGAL DUNIA SELEPAS URUS PENGEBUMIAN IBU TERSAYANG



30 Jun 2020

Majlis penyerahan cek FPM telah diadakan di rumah OB oleh PPN Perlis, Encik Basharudin bin Khalid. OB telah meninggalkan seorang balu dan 5 orang anak yang berumur di antara 4 hingga 17 tahun.



KASIHNYA ABANG...

9 Mei 2021

Lawatan Skuad Perkeso Prihatin Sungai Petani ke Kampung Bukit Kuala Kuang pagi ini menyaksikan pengorbanan seorang abang yang tiada bertepi. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul tetapi seorang abang bernama Mohd Shuhaimi tidak pernah kesal dan akan terus menjaga adiknya hingga ke hujung nyawa.

Mohd Yusuff bin Abdul Hamid, Orang Berinsuran (OB) mengidap keilatan sejak Mei 2017. Beliau mengalami kecederaan kepala yang serius (bukan dari Bencana Kerja) telah hampir empat(4) tahun berada dalam keadaan koma. Penjaga OB juga menerima Elaun Layanan Sentiasa (ELS) kerana OB tidak berupaya langsung menguruskan diri sendiri.

Selama tempoh koma sehingga kini, abangnya Mohd Shuhaimi setia menguruskan keperluan OB sepenuhnya. Mohd Shuhaimi yang dahulunya bekerja kampung, kini menumpukan sepenuh perhatian menjaga adiknya dan ibunya juga yang telah uzur tidak boleh berjalan akibat sebelah kakinya patah.

Mohd Shuhaimi bersyukur dan berterima kasih kepada Perkeso kerana adiknya menerima jumlah pencen ilat bulanan beserta ELS sebanyak RM 2,125.00 sejak tahun 2017. Selain itu, Perkeso juga telah membekalkan alat-alat keperluan penjagaan adiknya, seperti lampin pakai buang, tilam angin dan susu. Susu khas yang menjadi makanan utama adiknya dibeli dari farmasi berdekatan dan belanja pembelian dituntut ganti belanja ke Perkeso.

Dalam lawatan tadi, Pegawai Pemulihan Pejabat Perkeso Sungai Petani membuat laporan dan pengesongan penggantian alat sedut kahak- suction machine dan katil pembaringan OB. OB layak ditukarkan katil khas yang baru bagi memudahkan penjaga menguruskannya dengan lebih baik. Perkeso akan terus memastikan hak OB sebagai pencarum dilunaskan sebaiknya.

NAHAS KERETA TERJUNAM DALAM TASIK: ISTERI DAN ANAK TERKORBAN



25 Mac 2021

SERDANG: Raut wajah hiba seorang ayah yang telah kehilangan anak kesayangannya dan juga kehilangan isteri tercinta sebaik sahaja menerima bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2000.00 berikutan kematian anaknya, Nur Aiza binti Hashim yang disampaikan oleh YB Dato' Norsabrina binti Mohd Noor, Adun Bandar Baharu dan turut mengiringi Pengarah Perkeso Negeri Kedah, Encik Mohamad Haron bin Othman dan Pengurus Pejabat Perkeso Kulim, Encik Ahmad Rizwan Hassan bin Basroh. Allahyarhamah Nur Aiza binti Hashim, 28 tahun telah terlibat dengan kemalangan dimana kereta yang dinaiki bersama ibunya Allahyarhamah Hasmah binti Mat Isa, 69 tahun telah terjunam ke dalam Tasik Lake Resort, Serdang, Kedah pada 21 Mac 2021. Dalam kejadian 6.24 petang itu, kedua-dua mangsa didapati telah lemas bersama-sama kereta yang mereka naiki itu. Skuad Perkeso Prihatin Kulim telah menerima maklumat melalui aplikasi 'Whatsapp' pada 21 Mac 2021 dan pada 23 Mac 2021.



ZIARAH OB MENGHIDAP PENYAKIT "OSTEOSARCOMA OF RIGHT DISTAL"



20 Januari 2021

Skuad Perkeso Prihatin Kulim telah menziarahi Orang Berinsuran Zulkiflie Bin Ahmad Tajudin yang mengalami masalah kesihatan "Osteosarcoma of Right Distal". Info berkaitan perihal kesihatan beliau telah diterima melalui Setiausaha Masjid Taman Selasih, Encik Muhamad Nasir Bin Md Jusoh.

OB telah diberikan bantuan diaper dan telah diberikan penerangan lanjut berkaitan permohonan beliau. OB juga telah diberi bantuan Kos Implant dan akan dirujuk untuk menjalani rawatan rehabilitasi di bawah Perkeso.

Lawatan ini telah dihadiri oleh Pengurus Pejabat Perkeso, Encik Ahmad Rizwan Bin Basroh dan Puan Syafarina Binti Othman serta Encik Aminodin Bin Hanapi.





NASIB ANAK YATIM TERBELA

14 Disember 2020

Seorang bala bersama-sama lima orang anak telah menerima Faedah Pencen Penakat selain Faedah Pengurusan Mayat kerana kematian Arwah Abdul Rahim Bin Yahya pada tahun 2015. Kes adalah hasil maklumat Pusat Khidmat Dun Pedu dan tunggakan Faedah Pencen Penakat lebih RM 32,000.00 telah disampaikan. Hadir bersama menyampaikan faedah adalah Adun Pedu, YB Mohd Radzi Bin Md Amin semasa program di Naka, Kedah.





PESAKIT CNS LYMPHOMA DAPAT PERHATIAN PERKESO



5 Ogos 2020

OB merupakan seorang pengidap CNS Lymphoma dan telah terlantar sejak beberapa bulan. OB hanya layak bantuan Ilat & PERKESO membekalkan keperluan barang pemulihan. YB Haji Mohd Radzi Md Amin, Adun Pedu turut bersama menyampaikan faedah.

RINDU CIUMAN PAGI IBU



23 Julai 2020

Majlis penyerahan 'Mock Cheque' dan sedikit cenderahati daripada PERKESO yang dihadiri oleh YB Cikgu Abd Nasir Idris, Adun Bayu serta media dan juga Timbalan Pengarah Negeri Kedah.



AYAH LUMPUH KINI KEHILANGAN PUTERI BONGSU



14 Julai 2020

Bayaran Faedah Pengurusan Mayat telah disampaikan oleh PPN Kedah, Encik Shaharuddin bin Waled bersama-sama Adun Pedu, YB Haji Mohd Radzi Md Amin di rumah ibu bapa OB, Kampung Belukar Luas, Naka.



PERGINYA KETUA KELUARGA DI HARI RAYA BUAT SELAMANYA



30 Mei 2020

Hari Raya Aidilfitri tahun ini memang berbeza kerana peluang berkunjungan hanya terhad pada 1 Syawal demi tekad melawan Covid-19. Namun bagi yang perlu bertugas pada 1 Syawal kali ini, secara langsung mungkin tiada peluang lagi untuk beraya selain bersama kaum keluarga sendiri namun lebih sedih lagi, jika ditakdirkan ini Syawal terakhir.

Seorang bapa yang juga salah seorang wira barisan hadapan era pandemik ini, tidak sempat untuk pulang ke rumah setelah selesai bertugas di Hari Raya pertama kerana terkorban dalam kemalangan ketika pulang. Usai menyambut ulang tahun kelahiran ke 45 dua hari sebelum itu, arwah yang merupakan seorang Sarjan Polis Bantuan yang bertugas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar, pergi meninggalkan seorang balu dan 2 orang anak yang masih bersekolah.

Balu yang merupakan seorang suri rumah sebak bila dikunjungi oleh Skuad Perkeso Prihatin walaupun urusan pasca kematian belum diuruskan lagi dan sangat menghargai tindakan serta bantuan yang dihulurkan. Selain itu, pihak majikan juga sangat responsif selari dengan tindakan proaktif Skuad Perkeso Prihatin.

Kisah pemergian yang pilu ini turut menarik perhatian YB Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang Bin Hashim serta YB Hajah Halimaton Saadiah Binti Saad, Exco Kerajaan Negeri Kedah merangkap ADUN Bukit Kayu Hitam. Dalam kesibukan tugas, mereka sempat hadir untuk menziarahi serta memberikan kata-kata semangat kepada keluarga ini selain menyampaikan sendiri faedah Perkeso kepada balu di petang 5 syawal yang lalu.

Keluarga yang ditinggalkan tentu sukar menerima ujian ini namun sedikit bantuan daripada Perkeso diharapkan dapat membantu keluarga ini meneruskan kehidupan yang pastinya tidak sama lagi setelah perginya seorang ketua keluarga. Semoga jaringan perlindungan sosial ini terus kukuh serta kekal memayungi rakyat kala ditimpa bencana yang tidak diduga.



8 Februari 2021

JOHOR BAHRU: Bekas kakitangan Primeworks Studios terima alat pemulihan Mohd Saifuddin, Bekas Penerbit Rancangan sukan menghadapi pelbagai penyakit kronik antaranya Diabetis Mellitus, Hypertension dan beberapa lagi penyakit kronik. Rentetan daripada penyakit yang dihadapi oleh OB (orang berinsurans) menyebabkan pergerakannya menjadi terbatas. Selepas mendapat berita tentang penyakit yg dihadapi, semakan dibuat dan mendapati OB memenuhi syarat kelayakan dibawah skim keilatan PERKESO. Lawatan Skuad Prihatin PERKESO Johor Bahru telah mengunjungi rumah beliau yang terletak di Johor Bahru bagi memberikan lampiran pakai buang seperti yang disarankan oleh doktor sebagai bantuan awal yang dapat disalurkan kepada beliau secara bulanan. Diharapkan bantuan ini dapat membantu OB sementara menunggu laporan perubatan disiapkan dan seterusnya dirujuk ke jemaah doktor bagi penentuan keputusan oleh Jemaah Doktor.

BEKAS KAKITANGAN PRIMEWORKS STUDIOS TERIMA ALAT PEMULIHAN



LAWATAN KE RUMAH BALU

14 Oktober 2020

Pada 12 Oktober 2020, Skuad Prihatin PERKESO Segamat telah berkunjung membuat lawatan ke rumah balu, Noorain Binti Mohd yang telah kematian suami akibat masalah kesihatan.

Maklumat berita sedih ini telah disalurkan ke pejabat ini melalui aplikasi 'Whatsapp' kumpulan 'Team PERKESO Prihatin Johor' untuk tindakan lanjut. Susulan semakan yang dijalankan mendapati arwah (Ahmad Hidayatullah Bin Affendi) yang masih bekerja di syarikat Giatmara Sdn Bhd telah meninggal dunia akibat penyakit kanser merupakan seorang pencarum aktif sehingga akhir hayatnya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), PERKESO.

Pengurus Pejabat PERKESO Segamat, Puan Roslinda Bt Juanis telah menyampaikan 'mock cheque' bagi bayaran Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2000.00 kepada balu dan beliau juga layak menerima Faedah Pencen Penakat atas kematian ini. Beliau yang tidak bekerja mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada PERKESO, justeru menerima faedah pencen bulanan tersebut. Puan Roslinda juga mengambil kesempatan untuk berkongsi lebih lanjut mengenai skim-skim terkini PERKESO dan berharap balu turut mengambil peranan untuk menyebar luas maklumat mengenai kepentingan caruman PERKESO kepada pekerja dan tanggungan mereka.

Pencen Penakat adalah faedah dalam Skim Keilatan di bawah Akta 4 yang dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans PERKESO meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Antara syarat Pencen Penakat adalah meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman.

Semoga usaha dan bantuan yang diberikan oleh PERKESO ini dapat meringankan beban dan mengubati kesedihan mereka. Salam takziah daripada PERKESO Segamat buat balu sekeluarga.





PERKESO CAKNA, MANFAAT BERSAMA

2 Oktober 2020

Menggambarkan arwah suaminya sebagai seorang yang ceria, menggembirakan dan sentiasa positif, Siti Norsuriya Mat Zin redha dengan pemergian selama-lamanya insan yang disayangi ini. Allahyarham Md Asyari Md Sanid yang merupakan Penolong Pegawai Perubatan di pusat dialisis ICMC Healthcare, Segamat telah meninggal dunia pada 11 September lalu akibat kemalangan jalanraya pada 6 September.

Wakil majikan yang telah dihubungi oleh pihak Skuad Prihatin PERKESO Segamat yang mendapat maklumat kemalangan ini mengesahkan bahawa arwah yang mula berkhidmat di pusat dialisis ini sejak 1 Ogos 2019 telah mengalami kemalangan jalanraya ketika dalam perjalanan ke tempat kerja pada pagi kejadian. Kemalangan berlaku di hadapan Taman Astakajaya, Segamat.

Akibat kecederaan parah yang dialami, arwah dimasukkan ke unit HDA (High Dependency Unit), Hospital Segamat dan meninggal dunia dalam tempoh rawatan. Berdasarkan siasatan lanjut pihak PERKESO, arwah mula mencarum di bawah majikan ini sejak setahun lalu, yang merupakan majikan pertamanya sebaik menamatkan pengajian. Kematian arwah dikaitkan dengan Bencana Kerja di bawah Sek.24(1)a AKSP yang membolehkan waris menerima Faedah Orang Tanggungan di bawah peruntukan Akta ini.

Arwah meninggalkan seorang balu dan 2 orang cahaya mata yang masing-masing baru berusia 1 tahun 9 bulan dan 9 bulan. Wakil skuad telah menemui waris bagi memudahkan proses bayaran Faedah Pengurusan Mayat selain Faedah Orang Tanggungan yang akan dibayar secara berkala kepada waris.

Menurut Norsuriya lagi, pemergian arwah suaminya ini sangat dirasai oleh anak sulungnya yang begitu rapat dengan arwah yang menjadikan rutin hariannya membawa si kecil itu menaiki motorsikal sebaik habis kerja setiap hari. Beliau telah dikunjungi oleh Pengurus PERKESO Segamat, Puan Roslinda Juanis, Ketua Unit Faedah, Encik Megat Najib bagi penyampaian baucer faedah ini pada 29 September. Puan Roslinda telah menyuntik kata-kata semangat kepada isteri arwah untuk menghadapi hari-hari mendatang dengan penuh cekal dan tabah bersama-sama dua zuriatnya itu.

Salam takziah daripada warga PERKESO Segamat. Semoga kebaikan dan kekuatan sentiasa mengiringi perjalanan kehidupan keluarga ini.

18 Ogos 2020

Seorang Jurulatih Badminton Professional tidak menyangka dirinya layak menerima Faedah Hilang Upaya Sementara di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKPS) hanya dengan caruman pertama yang dilakukan.

Wee Hock Leng berkata, beliau yang pada asalnya menemani seorang rakan untuk berurusan di pejabat PERKESO Segamat, telah mendapat maklumat daripada petugas kaunter mengenai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKPS) yang telah diperluaskan kepada 19 sektor termasuklah sektor kejuruteraan professional bermula pada tahun ini.

Sebaik mengetahui kelebihan dan manfaat yang disediakan di bawah skim ini, beliau tidak teragak-agak untuk mencarum di bawah Akta ini bermula pada 14.6.2020 dengan pelan pilihan maksimum walaupun telah mempunyai perlindungan insuran peribadi. "Saya tidak menyangka dengan hanya satu caruman yang telah dilakukan, saya layak menerima pampasan PERKESO sepanjang tempoh cuti sakit yang diberikan".

Kemalangan berlaku apabila beliau terjatuh ketika sedang mengendalikan latihan badminton Bersama-sama pemain yang menyebabkan beliau mengalami kecederaan koyak ligamen lutut kaki kiri dan kanan dan turut menjalani pembedahan akibat kecederaan itu.

"Bantuan PERKESO ini amat saya hargai kerana ia dapat meringankan beban dan menggantikan pendapatan saya yang terjejas akibat kemalangan ini," katanya kepada Pengurus Pejabat PERKESO Segamat, Puan Roslinda Binti Juanis yang hadir ke kediamannya untuk membuat penyerahan 'mock cheque' bagi bayaran pertama FHUS/berjumlah RM2,001.

Sementara itu, Puan Roslinda turut menyarankan agar beliau dapat bersama-sama PERKESO untuk berkongsi maklumat mengenai skim ini kepada masyarakat di luar sana yang layak agar mereka dapat dilindungi ketika berlaku sesuatu kontigensi luar jangka semasa melakukan pekerjaan.

TIDAK MENYANGKA MENDAPAT PAMPASAN HANYA DENGAN SATU CARUMAN





22 Jun 2020

Pada 22 Jun 2020, anggota Skuad Prihatin PERKESO Segamat telah mengunjungi Balu, Haslinda Binti Harun kepada pemandu teksi sewa yang mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) (Akta 789).

Kes kemalangan maut jalan raya semasa bekerja yang berlaku ke atas pemandu teksi sewa, MOHD DIN BIN YAHYA di mana Pengurus Pejabat PERKESO Segamat, Puan Roslinda Juanis telah menyampaikan sendiri Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 kepada balu bersama-sama 3 orang anak tanggungan yang masih bersekolah layak menerima Faedah Orang Tanggungan berupa pencen bulanan sebanyak RM945 (mencarum Pilihan Pertama iaitu RM13.10 sebulan atau RM157.20 setahun).

Balu mengucapkan terima kasih kepada PERKESO dan merasa bersyukur kerana tidak menyangka dengan caruman serendah RM13.10 sebulan atau 43 sen sehari, beliau layak mendapat pampasan di bawah SKSPS sepanjang hidup jika pencarum mengalami kemalangan atau meninggal dunia semasa bekerja.

Beliau mengambil kesempatan dengan menasihati kepada pemandu pengangkutan awam yang bekerja sendiri, di seluruh negara agar mencarum dengan PERKESO sekaligus mendapat perlindungan daripada faedah PERKESO kerana jika apa-apa berlaku semasa mencari rezeki dan apakah jaminan yang mereka ada di kemudian hari?

Ternyata banyak kebaikan dan faedah buat mereka yang bekerja sendiri sekiranya mencarum dengan Perkeso, terutama jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Skim yang dirangka ini sememangnya merupakan satu langkah untuk menjamin kehidupan yang lebih terjamin bagi individu yang menjadi sumber rezeki keluarga.

Jelas sekali insentif perlindungan ini manfaat buat pencarum dan keluarga. Sehubungan itu, tidak hairanlah usaha berterusan dilakukan PERKESO bagi memastikan lebih ramai kumpulan sasar mengambil pendekatan bijak untuk mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) untuk masa depan lebih terjamin. Adakah pemandu pengangkutan awam menyedari 'malang tidak berbau' ketika bekerja?

Oleh itu, pemandu teksi, e-hailing, dan kereta sewa seharusnya beringat supaya tidak menyesal. Fikir-fikirkan, bukan sahaja mengenai diri anda, tetapi juga keluarga tersayang.

CARUM PERKESO UNTUK DILINDUNGI WALAU BEKERJA SENDIRI KERANA MALANG TIDAK BERBAU!

4 Mei 2020

Seorang jurujual berusia 47 tahun yang menetap di Taman Astakajaya telah mengalami kemalangan jalan raya ketika ingin membelikan ubat ibunya di farmasi berdekatan. Kemalangan pada 30 April yang lalu yang melibatkan 2 buah kereta telah menyebabkan beliau kini koma akibat kecederaan di kepala.

Suami kepada Orang Berinsurans (Pn. Ng Seow Lee) telah merujuk kes ke Pejabat PERKESO Segamat bagi mengetahui faedah yang layak diterima OB akibat kemalangan itu. Semakan yang dilakukan mendapati OB mempunyai jumlah caruman mencukupi di bawah Sek.17 yang melayakkan beliau menerima faedah di bawah Skim Ilat.

Bagi bantuan segera, waris telah diminta untuk mendapatkan pengesoran pihak doktor bagi pembekalan alat pemulihan di bawah skim ini. Pada 4 Mei, Skuad Prihatin PERKESO Segamat yang diwakili Pengurus Pejabat (Puan Roslinda Juanis) dan Pegawai Faedah (Norashikin Hassan) telah membuat kunjungan ke kediaman OB bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kemalangan ini.

Dalam kunjungan itu, pihak PERKESO telah memberi penerangan lanjut mengenai faedah yang boleh dituntut di bawah skim ini di samping menyampaikan bantuan berupa lampin pakai buang untuk kegunaan semasa. Bantuan alat pemulihan lain akan dibekalkan mengikut keperluan semasa berdasarkan pengesoran doktor.

Pihak PERKESO Segamat mendoakan kesembuhan segera kepada OB dan semoga ahli keluarga beliau diberi kekuatan dan kesabaran bagi menempuh ujian ini.

HASRAT JURUJUAL MEMBELI UBAT UNTUK IBUNYA BERTUKAR TRAGEDI





PENYERAHAN CEK FAEDAH PENGURUSAN MAYAT KEPADA WARIS-WARIS LETUPAN DI KOMPLEKS BERSEPADU PENGERANG

17 Mac 2020

Lawatan ke Hospital KPJ Johor untuk melawat mangsa yang melecur sebanyak 70 peratus. Lawatan disertai bersama Pengarah PPN Johor, Encik Tong Sing Chuang, Wartawan Bernama serta majikan.

PENYERAHAN CEK KEPADA WARIS PENERIMA PENCEN ILAT DAN RAWATAN DIALISIS

1 Julai 2020

Tamil Chellon A/L Nagamuthu menghidap penyakit buah pinggang (Dialisis) sejak 2018 dan isterinya Puan Danabakhiam A/P Selvaraj juga menghidap penyakit buah pinggang (Dialisis) sejak 2018 dan mempunyai seramai 4 orang anak yang masih bersekolah. Ditakdirkan Encik Tamil Chellon telah meninggal dunia pada 29 Jun 2020 di HSIJB dan akibat masalah kesempitan hidup dan masalah kewangan, jenazah tidak dikebumikan sehingga kewangan mencukupi & berkat bantuan NGO barulah jenazah dapat dikebumikan pada 1 Julai 2020.



6 April 2021

Sebagai tanda terima kasih atas komitmen, sokongan dan keprihatinan pemimpin masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada Perkeso selama ini. Perkeso Kuala Krai telah menjemput wakil rakyat dan penghulu mukim untuk merealisasikan Program Jelajah Prihatin Sempena Jubli Emas 50 tahun PERKESO sebagai tanda TERIMA KASIH atas khidmat masyarakat mereka selama ini dalam menyantuni penerima faedah PERKESO.

Yang Berhormat Tuan Hilmi Abdullah, Adun Guchil dan Encik Shaari Che Wil, Penghulu Mukim Guchil telah menyampaikan cek, alat pemulihan yang dibekalkan oleh Perkeso dan sumbangan anggota kepada saudara Muhammad Nur Azmal bin Kassim yang tinggal di rumah kediaman keluarga di Guchil 7, Kuala Krai. Beliau merupakan penerima pencen ilat Perkeso yang menerima pencen bulanan dan bekalan pemulihan seperti katil dan lampin pakai buang secara berkala.

Jelajah kedua penyampaian alat pemulihan dan sumbangan Perkeso telah disampaikan oleh Encik Abdullah Mamat selaku penghulu Mukim Mengkebang di rumah kediaman waris Che Rosniza binti Che Lah yang terlibat dalam kemalangan semasa dalam perjalanan balik dari tempat kerja. Akibat daripada kemalangan tersebut, beliau terlantar dan menyukarkan beliau terus bekerja dan hilang punca pencarian untuk menanggung anak-anak yang masih belajar.

Jelajah ketiga pula telah disempurnakan oleh Encik Shaari Hassan, Penghulu Mukim Sg Pas. Penyampaian alat pemulihan baru seperti kerusi roda, roho cushion dan commode chair menggantikan peralatan sebelum ini yang disalurkan oleh Perkeso kepada saudara Mohd Eddey Faizul bin Suhaimi pada tahun 2017. Beliau juga turut terlibat dalam kemalangan jalanraya semasa hendak menuju ke tempat kerja.

Encik Azran bin Che Nuri, Pengurus Perkeso Kuala selaku penaung Skuad Perkeso Prihatin Perkeso Kuala Krai mengharapkan hubungan yang dipupuk bersama pemimpin masyarakat dalam mendekati masyarakat khususnya pencarum Perkeso perlu dimantapkan lagi demi kesejahteraan sejagat dalam mencapai objektif PERKESO menjaga kebijakan pencarum dan waris yang terkesan.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada YB Tuan Hilmi Abdullah, Encik Shaari Che Wil, Encik Abdullah Mamat, Encik Shaari Hassan dan semua ahli jawatankuasa yang menjayakan Program Jelajah Prihatin Jubli Emas 50 tahun Perkeso Siri 1/2021 peringkat Perkeso Kuala Krai.

JELAJAH PRIHATIN SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN PERKESO (KUALA KRAI)





PERJALANAN TERAKHIR TIGA BERSAUDARA HILANG TEMPAT BERMANJA

15 Februari 2021

"Pada hari kejadian Mohd Hafez Ibrahim @ Yusoff, 32 isteri Surina Mohd Othman, 36 dan kakak sulung Rahimah Ibrahim@Yusoff, 51 tergesa-gesa keluar awal ke klinik Kesihatan Dabong tanpa membawa ibunya Che Som Husin, 72, yang sepatutnya pergi bersama ke klinik yang sama untuk mengambil ubat beliau. Manakala menantunya Surina juga ada temujanji untuk buat pemeriksaan kandungan yang telah mencecah 3 bulan. Perkara ini tidak pernah berlaku sebelum ini dan tidak menduga perjalanan hari itu merupakan perjalanan yang terakhir arwah, isteri dan kakak beliau", kata Rohani dengan nada yang sayu. Beliau merupakan kakak kepada arwah Mohd Hafez.

Menurut Rohani lagi, beliau merupakan orang pertama mendapat panggilan kejadian yang menimpa Mohd Hafez, adik ipar dan kakak dimana adik ipar dan kakak sulung telah maut ditempat kejadian manakala Mohd Hafez telah meninggal dunia dalam perjalanan ke Klinik Dabong. Difahamkan kereta yang dipandu telah terbabas lalu merempuh kebun getah berhampiran semasa perjalanan hendak menuju ke Klinik Dabong. Skuad Prihatin Perkeso telah menghubungi waris sejurus kisah sedih ini tular di media sosial. Kerjasama yang diberikan oleh pihak keluarga dan maklumat awal yang disalurkan oleh PDRM Kuala Krai telah membantu pihak Perkeso untuk mempercepatkan proses tuntutan Skim Pencen Penakat. Waris telah mengemukakan borang tuntutan pada 10/02/2021.

Kunjungan Skuad Prihatin Perkeso yang diketuai oleh Encik Mohd Azran Che Nuri, Pengurus Perkeso Kuala Krai telah menyampaikan sumbangan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) bernilai RM2,000.00 dan orang tanggungan diliputi dibawah Skim Pencen Penakat. Tiga cahaya mata arwah yang berumur 10, 9 dan 5 tahun akan menerima pencen bulanan sehingga mencecah 21 tahun dan jika mereka berjaya melanjutkan pelajaran, pencen akan dilanjutkan sehingga tamat ijazah pertama kelak. Disamping itu, Perkeso Kuala Krai turut mengambil ketiga-tiga anak sebagai anak angkat Perkeso dan berusaha memastikan kebajikan anak-anak ini terpelihara.

Supt Suzaimi bin Mohamad, Ketua Polis Daerah Kuala Krai mewakili IPD Kuala Krai dan wakil dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuala Krai turut memberikan sumbangan kepada keluarga dan anak-anak arwah bagi meringankan beban yang ditanggung dibawah Program CSR jabatan masing-masing.

Encik Mohd Azran Che Nuri mengharapkan dengan adanya usahasama dan kerjasama antara agensi seperti PDRM dan JKM akan memperkasakan lagi usaha kerajaan membantu pihak yang memerlukan dengan cepat dan telus. Malah merapatkan ukhuwah antara agensi ke arah lebih cemerlang dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan khususnya pencarum Perkeso yang terdiri daripada warganegara dan pekerja asing.



PERKESO BANTU PEKERJA, MAJIKAN TERJEJAS COVID-19

11 Januari 2021

YB Tuan Haji Wan Roslan Bin Wan Hamat, Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan Dan NGO Negeri Kelantan merangkap Adun Pengkalan Kubor diiringi oleh Y.Bhg Hajah Nora Yaacob, PPN Kelantan telah menyampaikan cek FPM dan bayaran pertama Pencen Penakat kepada Puan Che Puan Bin Che Hassan, bala kepada Allahyarham Mohd Sobri Bin Hassan di rumah Allahyarham di Kg Geting, Tumpat, Kelantan.



TIGA MAUT LAPAN CEDERA NAHAS DUA KERETA

9 September 2020

Penyampaian cek Faedah Pengurusan Mayat kepada bala Allahyarham Mohd Rozi Bin Husain oleh YB Haji Saiful Adli Bin Abu Bakar bersama Hajah Nora Binti Yaacob, PPN Kelantan.



TAKLIMAT KHAS KEBAJIKAN & PERLINDUNGAN PERKESO DAN MAJLIS PENYAMPAIAN CEK FAEDAH PERKESO

13 Julai 2020

PPN Kelantan Hajah Nora Binti Yaacob bersama-sama YB Dato Hajah Mumtaz Md Nawi, Adun Demit menyampaikan cek FHUS kepada pekerja kontrak Pejabat SUK Negeri Kelantan di Pejabat SUK Negeri Kelantan.



WANITA MAUT KERETA LANGGAR PENGHADANG JALAN: SUAMI MENERIMA CEK FPM

12 September 2020

Penyampaian cek FPM kepada suami Allahyarhamah Tuan Isma Norazilahidayah Binti Ismail Oleh YB Tuan Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia bersama Hajah Nora Binti Yaacob.





MAJLIS PENYAMPAIAN CEK FPM KEPADA WARIS BEKAS PEKERJA UTUSAN MALAYSIA

1 Disember 2020

Hajah Nora Binti Yaacob, Pengarah Perkeso Negeri Kelantan bersama Skuad Perkeso Prihatin Kelantan telah berkunjung ke rumah keluarga arwah Siti Hanizah Binti Mohd Noordin 32, di Kg Sungai Long Jeli untuk menyampaikan cek FPM sebanyak RM 2000.00 kepada kedua-dua ibu dan bapa arwah yang telah meninggal dunia pada 18.11.2020.

43,000 rakyat Kelantan gagal mencarum Perkeso

HAZELEN LIANA KAMARUDIN
01 DEC 2020

A- A+

Nora (tiga dari kiri) menyerahterahkan bayaran Faedah Pengurusan Mayat kepada waris bekas kakitangan Kumpulan Utusan Malaysia (Malaysia) Berhad, Siti Hanizah iaitu Che Jabariah (tiga dari kanan) dan Nor...

JELI – Seramai 43,000 rakyat Kelantan yang bekerja sendiri dikesan gagal mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Skuad Perkeso Prihatin cepat bertindak

October 16, 2020

TANAH MERAH: Skuad Perkeso Prihatin Kelantan membantu keluarga arwah Azman Che Amat, yang meninggal dunia akibat lemas di Terengganu, Jumaat lepas.



ZIARAH PRIHATIN KE RUMAH BALU MANGSA MATI LEMAS DI TANAH MERAH, KELANTAN

15 Oktober 2020

Majlis Penyampaian Cek Faedah Pengurusan Mayat oleh YB Mejari (B) Dato Hj Md Anizam Bin Ab Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan, merangkap Adun Kemahang kepada Puan Noraini Binti Mohd Nor, Balu Allahyarham Azman Bin Che Mat di Kg Batu Eman, Tanah Merah, Kelantan.

28 April 2021

Seorang lelaki telah disahkan meninggal dunia pada 10/04/2021 akibat kemalangan jalan raya di Lebuhraya Duke Kuala Lumpur. Allahyarham yang merupakan seorang pekerja di Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. sedang dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerja. Allahyarham Mohd Azman bin Arifin, 45 tahun meninggalkan tanggungannya seorang bala dan empat orang anak yang masih berusia di bawah 21 tahun. Anak bongsunya baru sahaja berusia 6 bulan.

Isteri arwah, Majidah Binti Abd Hadi seorang suri rumah tangga sepenuhnya yang masih terkejut dengan pemergian arwah suaminya tidak menyangka akan kematian suaminya kerana tiada sebarang alamat atau tanda sebelum mengetahui bahawa suaminya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Arwah merupakan seorang suami yang bertanggungjawab dan rajin bekerja dan pemergian arwah amat meninggalkan kesan buat beliau serta keluarganya lebih-lebih lagi beliau kini tidak bekerja.

Skuad Prihatin Perkeso (SPP) yang menerima berita mengenai kemalangan dan kematian arwah telah bertindak menghubungi bala untuk mendapatkan pengesahan maklumat. Hasil semakan mendapati arwah waris layak mendapat Fedah Pengurusan Mayat dan Faedah Orang Tanggungan. Faedah Orang Tanggungan ini akan dibayar kepada bala sepanjang hayat dan anak sehingga umur 21 tahun atau melanjutkan pelajaran sehingga ke ijazah pertama. SPP akan terus berhubung dengan bala bagi menjana pelan dalam Program Sosial Sinergi.

SPP hadir ke rumah waris di Ukay Perdana Kuala Lumpur bersama wakil majikan daripada Rapid Bus Sdn. Bhd. untuk penyerahan baucer bayaran kepada bala arwah Mohd Azman. Beliau bersyukur di atas keprihatinan pihak Perkeso dan majikan dan faedah ini banyak membantu beliau dalam pengurusan kehidupan beliau dan anak-anak. Salam takziah buat waris keluarga arwah Mohd Azman dan semoga arwah dicucuri rahmat Ilahi hendaknya.

"PEMERGIAN ARWAH MENGEJUT DAN TIADA SEBARANG TANDA"



IBU TUNGGAL SEDIH SATU-SATU ANAKNYA MENINGGAL DUNIA



28 April 2021

Naluri seorang ibu begitu berat membenarkan anaknya untuk membuat kerja sambilan sebagai penghantar makanan. Namun desakan si anak yang bersungguh demi mencari pendapatan untuk keperluan mereka menyebabkan Puan Parvathy a/p Ganeson terpaksa akur dengan hasrat Gopinath a/l Veeramuthu.

Menurut Puan Parvathy yang juga seorang ibu tunggal, anaknya tidak dapat bekerja sepanjang tempoh PKP. Sepanjang tempoh itu juga mereka sekeluarga tiada pendapatan dan terpaksa berjimat dalam perbelanjaan harian. Namun begitu suratan takdir tiada siapa dapat menduga kerana belum sampai sebulan anaknya menjadi penghantar makanan, anaknya terlibat dengan kemalangan dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian. Kesedihan jelas diwajah Puan Parvathy apabila Skuad Prihatin Kuala Lumpur menziarahinya di kediaman mereka di Apartment Dahlia Bandar Baru Selayang. Hatinya pilu dan sangat bersedih dengan apa yang berlaku keatas anaknya pada 4.3.2021.

Skuad PERKESO Prihatin Kuala Lumpur telah mengambil tindakan segera menyemak kelayakan Gopinath dibawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Namun ternyata pada masa kemalangan tersebut beliau tidak berdaftar. Walaupun begitu beliau memenuhi kelayakan Skim Keilatan kerana pernah bekerja dan mencarum sebelum PKP dikuatkuasakan.

Tindakan segera diambil untuk membolehkan pembayaran Faedah Pengurusan Mayat dibayar. Dalam Program lawatan ke rumah Puan Parvathy ini turut disertai oleh Encik M B Raja, Pengurus MIC Negeri Selangor yang juga merupakan Ketua Bahagian MIC Selayang. Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Encik Ismail bin Abi Hashim, Ketua Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi daripada Ibu Pejabat PERKESO.

Encik M B Raja telah menyampaikan penyampaian faedah PERKESO serta sedikit bantuan keperluan harian kepada Puan Parvathy. Beliau berharap Puan Parvathy sentiasa tabah dalam menghadapi ujian ini. Selain menerima bayaran Faedah Pengurusan Mayat, Puan Parvathy juga turut menerima bayaran bulanan untuk sepanjang hayatnya.

TIADA LAGI KASIH SAYANG SEORANG BAPA

13 April 2021

Pengarah PERKESO Negeri Kuala Lumpur, Tuan Mustafa bin Draman turun padang bersama Tuan A Rahim bin Kasdi, wakil Menteri Besar Selangor dan Encik Faizal bin Ismail, Ahli Majlis Perbandaran Selayang hadir ke rumah waris di Selayang Baru untuk menyampaikan baucar bayaran Faedah Pencen PERKESO beserta sumbangan barang makanan kepada waris Allahyarham Encik Khairil Huda Bin Mohd Abu Bakar. Arwah Encik Khairil Huda dipercayai meninggal dunia akibat strok dan meninggalkan tanggungannya seorang bala dan tiga orang anak yang masih berusia di bawah 21 tahun.

Bala kepada arwah iaitu Puan Maria binti Ismail tidak sangka bahawa beliau dan anak-anak masih layak untuk menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Pencen Penakat daripada PERKESO walaupun arwah suami beliau sudah berhenti mencarum dengan PERKESO sejak dari tahun 2009. Puan Maria yang kini bekerja sendiri sebagai penjahit tudung secara pukal.




ISTERI TABAH TEMPUH DUGAAN, TEKAD UNTUK URUSKAN KELUARGA



13 April 2021

Jurulatih penjaga gol Piala Presiden KL City, Mohamad Hanim Tahir telah meninggal dunia kerana serangan jantung pada 18 Mac lalu. Allahyarham yang ketika hidupnya pernah beraksi dengan pasukan Kuala Lumpur, balunya menerima pencen bulanan di bawah Faedah Pencen Penakat berjumlah RM1,900 dan sumbangan RM2,000 bagi Faedah Pengurusan Mayat (FPM). Sumbangan itu diserahkan Pengarah PERKESO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Mustafa Draman kepada Intan sambil disaksikan dua daripada tiga anak pasangan itu, berusia antara 20 dan 22 tahun.

Turut hadir pada majlis itu, Kuala Lumpur United Sdn. Bhd, Stanley Bernard dan rakan-rakan arwah yang juga bekas pemain Kuala Lumpur pada era 1980an, Datuk Subadron Aziz dan Datuk Ramlan Askolani. Intan berkata, beliau tidak menyangka PERKESO bertindak pantas berikutan suaminya meninggal dunia tidak sampai sebulan yang lalu.



PENYERAHAN BAUCER KEPADA WARIS ARWAH ABDUL SAMAD B. K.BABA

18 Mac 2021

Majlis penyerahan baucer yang dihadiri Puan Rathy Meanahah bersama wakil penduduk kawasan Kepong, Tuan Tpr. Abdul Razak dan Tuan Ismail bin Abi Hashim, Ketua Skuad Perkeso Prihatin.

PENYERAHAN BAUCER FAEDAH PENGURUSAN MAYAT (AZIZAN BIN MOHD LAZIM)

22 Februari 2021

Penyerahan baucer turut dihadiri Pengarah Perkeso KL, Tuan Mustafa Bin Draman, Ketua Skuad Perkeso Prihatin, Tuan Ismail Bin Abi Hashim, serta Pegawai Khas Menteri Besar.



LAWATAN KE RUMAH ORANG BERINSURANS YANG MENGIDAP PENYAKIT HATI

18 Februari 2021

Lawatan untuk meninjau keadaan persekitaran perumahan dan mendapatkan Borang 34 untuk permohonan Skim Keilatan.



LAWATAN DI KEDIAMAN ORANG BERINSURANS AZREEN BIN OMAR

1 Oktober 2020

Lawatan ke kediaman OB untuk menilai keadaan yang dialami dan menyerahkan Borang Permohonan Ilat.



LAWATAN KE RUMAH WARIS OB NORAZMI BIN NORDIN

5 November 2020

Lawatan ke rumah waris untuk mendapatkan penjelasan kematian arwah, dan menerima borang permohonan arwah bagi Pencen Penakat.

LAWATAN KE RUMAH BALU OB MOHD HARDI EFFENDI BIN YAACOB

15 Disember 2020

Lawatan untuk melihat keadaan balu dan anak-anak sekali gus untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk tuntutan FPM Dan Pencen Penakat. Turut memberikan keterangan berhubung faedah yang akan diperoleh oleh balu.

8 April 2021

SEREMBAN: Skuad PERKESO Prihatin Seremban telah menziarahi dan menyerahkan Faedah Pengurusan Mayat kepada bala Allahyarham Mohd Fairoz Azman, 35, yang telah meninggal dunia akibat sakit jantung di Hospital Tuanku Jaafar pada 01.04.2021. Hasil maklumat daripada anggota PERKESO sendiri, Skuad PERKESO Prihatin PERKESO Seremban telah menghubungi dan berjumpa pihak waris untuk menyegerakan bantuan yang layak bagi waris. Allahyarham meninggalkan seorang isteri Norsyamimi Mohamed Kamil, 31, dan 3 orang anak yang masih berumur antara 3 tahun sehingga 10 tahun.

Waris layak menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM 2000.00 dan Faedah Pencen Penakat berupa pencen bulanan dimana bala akan menerima pencen seumur hidup manakala anak-anak akan menerima pencen sehingga berumur 21 tahun atau sehingga tamat belajar peringkat ijazah pertama. Penyerahan faedah telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Encik Redhuan Bin Muda@Mohadyatim.



PROGRAM JELAJAH PRIHATIN SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN PERKESO (NEGERI SEMBILAN)



Hasrat beli kereta untuk bapa tidak kesampaian



KEJADIAN kemalangan membabitkan kereta yang dipandu Hafidzan di Kilometer 17, Jalan Kuala Pilah-Simpang Pertang, Jempol, semalam.

Oleh BADRUL HATIZAN MAT ISA
27 Februari 2021, 6:41 pm



SEREMBAN: Hasrat dua beradik untuk memberikan sebuah kereta yang baru dibeli kepada bapa mereka, tidak kesampaian apabila masing-masing terlibat kemalangan di Kilometer 17, Jalan Kuala Pilah-Simpang Pertang, Jempol, hari ini.



13 Mac 2021

SEREMBAN: Dugaan berat bagi keluarga Jamilah Bohari, 44, setelah kematian suami pada 26.02.2021 akibat kemalangan jalan raya. "Dugaan ini sangat berat bagi saya dan anak saya memandangkan saya masih kurang sihat dan perlukan bantuan suami untuk meneruskan kehidupan," demikian luahan isteri kepada Allahyarham Hafidzan Zainal, 44, yang meninggal dunia 14 hari yang lepas.

Menurut Jamilah, beliau mengalami masalah kesihatan sejak 2020 yang menyebabkan kedua-dua matanya menjadi kabur dan sukar untuk berjalan. Untuk menjalani kehidupan harian dan bekerja, beliau terpaksa menggunakan kerusi roda. " Setelah kematian suami, saya terpaksa membuat keputusan untuk mengeluarkan satu satunya anak dari asrama Maktab Rendah Sains Mara (MARA) kerana saya perlukan bantuan untuk meneruskan aktiviti harian. Saya juga terpaksa mengeluarkan RM 1000.00 sebulan selepas ini hanya untuk kos pengangkutan bagi tujuan menghantar saya dan anak saya ke tempat kerja dan ke sekolah. Saya juga perlu mengupah seseorang untuk membantu saya di tempat kerja," katanya lagi.

"Saya memang tidak tahu tentang faedah PERKESO ini sehingga diberitahu pegawai PERKESO yang menghubungi dan berjumpa dengan saya. Saya amat bersyukur dan mengucapkan ribuan terima kasih kerana membantu saya sekeluarga dengan segera dalam waktu saya buntu memikirkan masa depan kami. Dengan bantuan ini, dapatlah mengurangkan beban saya dan anak untuk meneruskan kehidupan selepas ini," ujarnya lagi.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada hari ini menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2,000.00 kepada waris Allahyarham Hafidzan. Selain daripada Faedah Pengurusan Mayat, waris juga layak menerima faedah Pencen Penakat setiap bulan yang layak di bawah Skim Keilatan PERKESO. Faedah PERKESO telah disampaikan oleh Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Encik Fuad Bin Alias.

DUGAAN BERAT SETELAH KEMATIAN SUAMI



WARIS PENGHANTAR MAKANAN TERIMA FAEDAH PERKESO



27 Februari 2021

SEREMBAN: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini menyampaikan faedah kepada ibu bapa Allahyarham Muhammad Azman Abdul Aziz, 29 tahun, yang maut akibat nahas jalanraya pada malam 17 Februari 2021 di Jalan Taman AST, Seremban Negeri Sembilan. Muhammad Azman, penghantar makanan Foodpanda sambilan, meninggalkan bapa Abdul Aziz Abdul Kadir, 64 tahun dan ibu Razmah Maarof, 61 tahun.

Ibu bapa Allahyarham menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 daripada Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Fuad Alias yang melawat di rumah mereka di sini. Turut hadir sama adalah wakil dari majikan My EG Sdn Bhd iaitu majikan tetap Allahyarham. Waris juga akan menerima Pencen Penakat setiap bulan yang layak di bawah Skim Keilatan PERKESO. Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja daripada keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Sejurus mendapat maklumat mengenai kemalangan maut yang melibatkan Muhammad Azman menerusi media massa dan Facebook, Skuad PERKESO Prihatin Seremban telah mengambil tindakan segera dan membuat semakan mengenai mangsa. Semakan mendapati bahawa waris layak mendapat Faedah PERKESO berdasarkan caruman yang dibuat Muhammad Azman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 iaitu caruman di bawah majikan pekerjaan tetapnya. Muhammad Azman walaubagaimanapun, tidak mendaftar dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Menurut Razmah, Allahyarham mengetahui kebaikan dan keperluan mendaftar dengan SKSPS, walaubagaimanapun tidak sempat untuk mendaftarnya. "Anak saya baru 2 minggu menjalankan kerja sambilan sebagai penghantar makanan Foodpanda secara sambilan, tidak sangka perkara sebegini akan terjadi. Makcik telah menasihatkan rakan-rakannya yang hadir datang melawat agar segera berdaftar dengan PERKESO kerana tugas mereka terdedah dengan risiko kemalangan", ujarnya lagi. Pada minggu lepas, terdapat satu lagi kemalangan maut yang melibatkan penghantar makanan Foodpanda di Nilai sehari selepas kejadian ini. Warisnya tidak layak menerima apa-apa faedah daripada PERKESO kerana tidak berdaftar dan mencarum dengan SKSPS dan tidak layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Sementara itu, PERKESO menyeru individu yang bekerja sendiri di seluruh negara supaya mendaftar dan mencarum dengan SKSPS di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 untuk perlindungan mereka dan keluarga jika berlaku apa-apa musibah sewaktu melakukan aktiviti pekerjaan terutama pekerjaan berkaitan penghantaran makanan dan barang. Hal ini kerana, sektor pekerjaan ini adalah sektor yang paling terdedah dengan kemalangan di atas jalan raya.

Kita tidak mahu lihat berulangnya beberapa kes di mana waris penghantar makanan yang meninggal dunia tidak mendapat apa-apa pampasan kerana penunggang berkenaan tidak mencarum atau tidak memperbaharui caruman SKSPS mereka.

**23 Februari 2021**

GEMAS: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini menyampaikan faedah kepada bala dan anak-anak Allahyarham Sohaidy Harun, 39 tahun, yang maut akibat nahtas jalanraya pada petang 4 Februari 2021 di Lebuhraya Utara Selatan selepas terowong Menora, Perak. Allahyarham meninggalkan seorang bala Noor Azurah Maslan, 37 tahun dan tiga orang anak yang berumur di antara 2 tahun hingga 8 tahun.

Noor Azurah menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemas, Dato' Abd. Razak Ab. Said bersama-sama Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Fuad Alias yang melawat beliau dan anak-anaknya di rumah ibu bapa mereka di Felda Jelai 3, Gemas.

Selain daripada Faedah Pengurusan Mayat, waris juga akan menerima Faedah Orang Tanggungan setiap bulan yang layak di bawah Skim Bencana Pekerjaan PERKESO. Skim ini memberi perlindungan kepada pekerja daripada kecederaan atau kematian akibat daripada kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan.

Sejurus mendapat maklumat mengenai kemalangan maut yang melibatkan Sohaidy menerusi Facebook, Skuad PERKESO Prihatin Seremban telah mengambil tindakan segera dan membuat semakan mengenai mangsa. Setelah siasatan dijalankan, kes diputuskan sebagai bencana kerja dan waris layak menerima faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

Noor Azurah berkata walaupun beliau dan anak-anak masih sedih dengan pemergian suaminya, namun beliau mengucapkan terima kasih kepada PERKESO yang telah menghubunginya untuk membantu dalam proses pembayaran faedah yang layak bagi diri dan anak-anaknya. "Bantuan ini sekurang-kurangnya dapat digunakan untuk membesarkan anak-anak dan boleh digunakan untuk memulakan kehidupan yang baru," katanya lagi.

Sementara itu, YB Dato Abd Razak memuji tindakan yang telah diambil oleh pihak PERKESO dalam menyegearkan tuntutan yang layak bagi waris. "Segelintir masyarakat tidak tahu mengenai faedah PERKESO terutama masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dan kawasan FELDA. Dengan tindakan proaktif PERKESO ini, tiada lagi waris yang layak akan tercincir daripada menerima faedah PERKESO," katanya lagi.



PEMANDU LORI MAUT KEMALANGAN: WARIS LAYAK TERIMA FAEDAH PERKESO



TERIMA FAEDAH PERKESO SETELAH ANAK MENINGGAL DUNIA



12 Februari 2021

SENAWANG: Waris kepada Allahyarhamah Maslinda Mohd Pauzi, 43, berasa bersyukur dan terharu apabila PERKESO Seremban telah datang menziarahi dan menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2,000.00 di Taman Desa Dahlia, Senawang. Allahyarhamah telah meninggal dunia pada 01.02.2021 akibat sakit buah pinggang di rumah kediamannya.

"Kehilangannya amat dirasai kami sekeluarga kerana dia seorang anak yang rajin dan masih kuat bekerja walaupun telah mengalami sakit buah pinggang dan menjalani rawatan hemodialisis sejak 10 tahun yang lepas. Dari segi luaran, orang akan beranggapan dia sihat dan kuat kerana dia seorang yang tabah dan mampu merahsiakan sakit yang dialami," luah Che Hasmah Che Sulaiman, 63, ibu kepada Allahyarhamah.

"Tidak sangka PERKESO boleh hubungi saya dan hadir ke rumah untuk bantu saya membuat tuntutan PERKESO. Saya memang tidak mengetahui faedah ini dan bersyukur semua urusan dapat dipermudahkan dan diselesaikan dengan segera," ujarnya lagi.

Che Hasmah merupakan satu-satunya waris yang layak menerima faedah PERKESO kerana bapa telah meninggal dunia dan tiada lagi adik beradik yang berumur bawah 21 tahun. Selain daripada Faedah Pengurusan Mayat, waris akan menerima faedah Pencen Penakat iaitu pencen bulanan yang akan dibayar setiap bulan sehingga akhir hayat.

Faedah PERKESO telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Encik Redhuan Muda@Mohadyatim di rumah kediaman waris di sini.



PENYERAHAN ALAT PEMULIHAN



30 Julai 2020

Skuad Prihatin PERKESO Seremban telah mengunjungi rumah OB bagi memberikan lampin pakai buang sebagai bantuan awal yang dapat disalurkan kepada beliau secara bulanan.



16 Julai 2020

Semakan dibuat dan mendapati OB memenuhi syarat kelayakan dibawah skim keilatan PERKESO. Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Fuad Alias telah mengunjungi rumah beliau bagi memberikan alat pemulihan seperti lampin pakai buang.



3 Jun 2020

Lawatan oleh Pengarah PERKESO Negeri Sembilan, Fuad Alias untuk meninjau keadaan serta menyerahkan alat pemulihan kepada OB (Pesakit Kanser).

**30 April 2021**

Di saat umat Islam menanti untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan, siapa yang akan menyangka malam Ramadan tahun ini merupakan malam terakhir berjumpa dengan anakanda sulung yang amat disayangi bagi En Rosli dan keluarga.

Muhammad Syahmi Bin Rosli, seorang pencuci kereta yang begitu muda berumur 23 tahun, telah terlibat dalam kemalangan maut pada lewat petang 12 April 2021 apabila motosikal yang ditunggang beliau telah berlanggar dengan sebuah kereta. Kejadian tersebut mengakibatkan arwah mengalami cedera parah di bahagian kepala dan meninggal di tempat kejadian.


Arwah meninggalkan lima beradik dan pemergian abang sulung amatlah terasa kehilangannya oleh kesemua adik-beradik yang mana mereka membesar bersama dan rapat terutama pada adik perempuan yang berusia 18 tahun.

Sewaktu lawatan kami ke rumah keluarga pada petang tadi, jelas pemergian arwah masih amat dirasai. Ibu bapa arwah sempat berkongsi kepada kami di mana arwah merupakan seorang anak yang bertanggungjawab, setiap kali melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan dengan sempurna dan tidak pernah meninggikan suara.

Majlis penyampaian Faedah Orang Tanggungan dan Faedah Pengurusan Mayat telah disampaikan oleh Encik Abd Razak Bin Omar, Pengarah Pejabat PERKESO Negeri Melaka.

Tindakan pantas Skuad PERKESO Prihatin dan tindakan majikan yang memberi kerjasama yang baik dengan pihak PERKESO telah membolehkan proses tuntutan faedah dapat diproses dengan lancar. Pada masa yang sama, PERKESO suka mengingatkan kepada para majikan sekiranya berlaku kemalangan/kematian yang disebabkan pekerjaan hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada PERKESO dan kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan tindakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

KEHILANGAN ANAKANDA TERSAYANG MENJELANG RAMADHAN



LAWATAN SEMPENA 50 TAHUN PERKESO KE RUMAH PESARA PERKESO (MELAKA)

30 Mac 2021



Seterusnya Perkeso Melaka ke rumah Puan Saerah Bt Othman di Masjid Tanah. Beliau mula berkhidmat di Ibu Pejabat PERKESO yang terletak di Keramat, Kuala Lumpur pada tahun 1982 dan kemudian berpindah pejabat ke Pejabat Melaka dan Muar sebelum bersara wajib di Pejabat PERKESO Melaka pada tahun 2016. Jumlah sumbangan beliau kepada PERKESO adalah selama 34 tahun.

Perkeso Melaka telah melawat pesara Mr Seet Kim Yeet di kediamannya bertempat di Paya Rumput. Antara pejabat yang pernah beliau bekerja adalah di Pejabat PERKESO Klang, Ibu Pejabat dan Sungai Petani. Jumlah sumbangan beliau kepada PERKESO adalah selama 29 tahun. Beliau telah berkhidmat di Perkeso sejak 1988 dan bersara pada 1/11/2016.



Jelajah diteruskan ke rumah Puan Hajah Sarima Bt Yasin di Bukit Katil. Beliau telah berkhidmat dengan PERKESO pada tahun 1988 di Ibu Pejabat yang ketika itu terletak di Damansara, Petaling Jaya. Puan Hajah Sarima pernah berkhidmat di pejabat PERKESO Selangor, Kota Bahru dan kembali ke Ibu Pejabat untuk berkhidmat di Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Perolehan. Jumlah sumbangan beliau kepada PERKESO adalah selama 32 tahun.

Jelajah diteruskan ke Durian Tunggal untuk melawat Encik Hussain Bin Hamid, yang telah berkhidmat sewal usia muda 18 tahun di Pejabat PERKESO Melaka yang pertama di Jalan Munshi Abdullah. Kemudian beliau berkhidmat di Pejabat PERKESO di Jalan Hang Tuah dan UTC sebelum bersara wajib pada tahun 2015. Kini berumur 66 tahun, Encik Hussain masih aktif dalam ping pong. Jumlah sumbangan beliau kepada PERKESO adalah selama 42 tahun.



LAWATAN SEMPENA 50 TAHUN PERKESO KE RUMAH OB (MELAKA)

25 Mac 2021



Sempena Jubli Emas 50 Tahun Perkeso, satu lawatan telah dibuat ke rumah OB. Program telah disertai oleh Ketua Cawangan Skuad Prihatin & Sinergi iaitu Tuan Ismail Abi Hashim, Pengarah Perkeso Melaka, Encik Abd Razak bin Omar beserta dengan Skuad Prihatin Melaka. Lawatan pertama telah dibuat ke rumah Lim Peng Ann di Taman Rambai Jaya. Bekalan drypers, susu serta 'wheel chair' telah diberikan kepada OB. OB merupakan bekas pemandu lori dan telah mengalami kemalangan semasa dalam perjalanan menghantar barang pada 19 April 2019. Akibat daripada kemalangan tersebut, OB telah mengalami kecederaan serius di bahagian kepala dan diberi cuti sakit selama 355 hari. Encik Lim kini dijaga oleh isteri dan beliau amat terharu dengan kehadiran kami.



Lawatan kedua adalah bagi penyerahan kerusi roda, susu dan lampin pakai buang ke rumah Encik Ab Khalim Bin Baba di Masjid Tanah, Melaka. OB merupakan bekas pengawal keselamatan dan mengalami strok pada 3 September 2020 Berikutan penyakit darah tinggi dan kencing manis. Pada masa kini, keadaan OB terlantar dan tidak boleh berkomunikasi serta tidak mampu untuk menguruskan urusan diri. OB telah disahkan ilat dan telah diluluskan untuk menjalani rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO. OB dijaga oleh isteri dan anak beliau serta mereka mengucapkan terima kasih atas kehadiran Skuad Prihatin.



Lawatan ketiga adalah ke rumah Encik Mohd Razif Bin Abu Bakar di Masjid Tanah, Melaka. OB merupakan seorang bekas loader operator dan pada 7 Ogos 2020, OB didapati tidak sedarkan diri dan hasil rawatan mendapati OB telah mengalami pendarahan dalam kepala akibat tekanan darah tinggi. Akibat dari penyakit yang dialami, keadaan OB terlantar dan tidak boleh berkomunikasi serta tidak boleh menguruskan diri sendiri. OB juga hanya boleh minum susu khas melalui tiub dan telah diluluskan untuk menjalani rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO. OB dijaga oleh isterinya yang juga merupakan seorang OKU yang pada masa yang sama mengalami masalah kesihatan asthma dan masalah jantung. OB mempunyai dua orang anak berusia 13 tahun dan 2 tahun.



PENUNGGANG MOTOSIKAL MAUT LANGGAR LEMBU MELINTAS

15 Mac 2021

Lawatan telah dibuat ke rumah OB di Felda Hutan Percha Alor Gajah Melaka. OB meninggalkan seorang bala dan 2 orang anak yang di bawah umur 21 tahun.



Sinar Harian Premium Berita Suara Sinar Video Khas SinarPlus E-Paper Terkini Pen...
Khamis | 22 April 2021
>> BERITA > SEMASA > Penunggang motosikal maut langgar lembu melintas
Penunggang motosikal maut langgar lembu melintas
NOR FARHANA YAACOB | 11 Mac 2021


Abdul Bahrin (gambar kecil) maut apabila motosikal ditunggangnya terenggong seekor lembu yang melintas di Jalan Bukit Bulat, Alor Gajah pada Rabu.

ALOR GAJAH. - Seorang lelaki maut apabila motosikal Yamaha ditunggangnya dipercayai melanggar seekor lembu yang melintas di Jalan Bukit Bulat, di sini pada Rabu.

Dalam insiden jam 8.15 malam itu, mangsa Abdul Bahrin Hamid, 59, meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah di bahagian kepala.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendant Arshad Abu berkata,



ANGGOTA EPF HILANG INGATAN AKIBAT KEMALANGAN

9 Disember 2020

OB merupakan pekerja di EPF Melaka. OB telah mengalami kemalangan jalan raya sewaktu dalam perjalanan yang melibatkan urusan peribadi. OB kini mengalami hilang ingatan akibat pendarahan di kepala.



18 November 2020

Perasaan sayang seorang bapa mentua mengiringi perasaan sebak dan pilu apabila melihat tubuh kaku arwah menantunya, yang maut ketika dalam perjalanan ke tempat kerja. Arwah Zulhilmi Razali yang baru berusia 26 tahun terlibat dalam kemalangan di Jalan Bukit Katil, Melaka pada awal pagi 2 November lalu. Arwah pada pagi itu telah keluar rumah pada lebih kurang jam 6.30 pagi untuk ke tempat kerja.

Kedua-dua menantu dan ayah mentua menetap dan bekerja di tempat yang sama dan ayah mentua, Roslan Ramlan keluar 10 minit selepas itu dengan menaiki motosikal berasingan. Sejurus tiba di lokasi kemalangan, Roslan Ramlan memberhentikan motosikal dan tidak mengesyaki apa-apa namun terkejut selepas melihat tubuh yang kaku di atas jalan terbabit adalah menantunya. Melihat keadaan menantunya yang sudah tiada, Roslan hanya mampu duduk di sebelah jenazah sambil membisikkan kalimah syahadah dan membaca ayat-ayat suci al-Quran sehingga jenazahnya diangkat.

Allahyarham yang berasal dari Kampung Chondong, Kelantan bekerja sebagai operator kilang dan baru setahun lebih mendirikan rumah tangga meninggalkan seorang bala yang berusia 24 tahun dan seorang anak perempuan yang berumur 10 bulan.

Ketika lawatan Pejabat PERKESO Negeri Melaka dibuat pada hari ini, ayah mertua arwah sempat menceritakan berkaitan pengalaman negeri yang mana beliau tergamam melihat mangsa tersebut ialah anak menantu yang beliau sayang dan kasih. Tetapi beliau tetap bersyukur kerana diberi kesempatan untuk menguruskan jenazah daripada mula sehingga akhir.

Faedah Pengurusan Mayat dan Faedah Orang Tanggungan telah disampaikan oleh Encik Abd Razak Bin Omar, Pengarah Pejabat PERKESO Negeri Melaka bersama En Ganesh, Ketua Cawangan Faedah Pejabat PERKESO Negeri Melaka dan En Nasarudin, Pegawai Skuad PERKESO Prihatin Negeri Melaka. Kami seluruh warga PERKESO mengucapkan salam takziah dan semoga ahli keluarga arwah tabah dan cekal dalam mengharungi dugaan ini.



KASIH MENTUA HINGGA AKHIR HAYAT

APAKAN DAYA APABILA PERJALANAN YANG DIRANCANG TIDAK SEMPAT MENUJU KE DESTINASI...

30 Oktober 2020

Malang tidak berbau bagi Puan Noor Adilah apabila kereta yang dipandu beliau telah terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 29 Januari lalu.

Kemalangan berlaku apabila Puan Noor, sebagai penolong pengurus bank di Melaka sedang dalam perjalanan bersama seorang anggota bank dari Senawang ke Tampin selepas berjumpa dengan pelanggan. Dalam kemalangan tersebut, kereta yang dipandu telah terbiasa di Lebuhraya Utara-Selatan dan akibat daripada kemalangan tersebut, Puan Noor telah mengalami kecederaan di bahagian kepala dan mengalami pendarahan dalaman. Selain itu, beliau juga retak tulang rusuk kiri dan tulang pelvis serta mengalami kecederaan tulang belakang.

Puan Noor telah menerima rawatan pertama di Hospital Besar Melaka dan rawatan susulan di Hospital Pantai Ayer Keroh dan menerima cuti sakit selama 243 hari. Semasa Skuad PERKESO Prihatin membuat lawatan ke tempat kerja Puan Noor bagi menyampaikan faedah berikutan bencana kerja yang dialami, beliau sempat menceritakan pengalaman ngeri beliau di samping perasaan fobia anak beliau tatkala melihat ibunya mula memandu kereta semula.

Sesungguhnya kejadian ini adalah suatu pengalaman pahit yang sukar untuk dilukai dan akan sentiasa terpahat di hati Puan Noor namun kami amat mengagumi semangat cekal Puan Noor untuk kembali bertugas kerana sesungguhnya ujian yang dialami Puan Noor membuatkan beliau lebih tabah dan kuat demi keluarga tercinta.



**2 Oktober 2020**

Cuaca mendung mengiringi suasana pada pagi ini, seolah-olah turut sama menangisi pemergian arwah Zulkifle Bin Musiran apabila Skuad PERKESO Prihatin Negeri Melaka membuat lawatan ke rumah waris arwah Zulkifle di kediaman mereka di Jalan Malim, Bachang pagi ini. Sebagai tanda sokongan, rider-rider GrabFood turut hadir pada hari ini untuk bersama pada majlis pada hari ini. Akan tetapi, suasana bertambah pilu apabila si anak kecil arwah berlari dari rumah menuju ke arah rider-rider tersebut sambil memanggil-manggil ayahnya, seolah-olah menyambut kepulangan ayah seperti kebiasaan hari. Hati mana yang tidak pilu dan sedih melihat tindakan si anak kecil ini yang tidak mengerti ayah yang ditunggu sudah pergi menemui pencipta-Nya.

Zulkifle Bin Musiran, seorang rider GrabFood berusia 40 tahun telah kemalangan jalanraya di bulatan Dataran Klebang pada 27 September 2020 sewaktu dalam perjalanan untuk mengambil pesanan makanan telah meninggal dunia pada 28 September 2020. Pihak kami mendapat tahu daripada rakan-rakan sekerja GrabFood bahawa arwah telah dilanggar oleh sebuah motosikal dalam satu kemalangan langgar lari.

Arwah, seorang Orang Kurang Upaya (OKU) pekak pendengaran dan bisu telah meninggalkan seorang bala berusia 34 tahun yang sedang mengandung 5 bulan, juga merupakan golongan OKU pekak pendengaran dan bisu, di samping empat orang anak yang lain berusia di antara umur 4 hingga 10 tahun yang masih bersekolah. Arwah merupakan tulang belakang di dalam keluarga tersebut dan isteri hanya menjalankan perniagaan kecil-kecilan menjual burger di hadapan rumah bagi membantu kehidupan sekeluarga dan sesungguhnya pemergian arwah adalah sangat dirasai, apatah lagi nasib anak yang masih dalam kandungan, tidak sempat untuk berjumpa dengan ayah apabila lahir nanti.

Hari ini, PERKESO Negeri Melaka telah menziarahi waris arwah Zulkifle di kediaman mereka di Jalan Malim, Bachang Melaka bagi menyampaikan Faedah Orang Tanggungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, Faedah Penakat dan juga Faedah Pengurusan Mayat kepada waris. Disamping itu, arwah merupakan penerima pencen berkala PERKESO sejak 2008 bagi kecederaan kekal bagi kemalangan ditempat kerja pada tahun tersebut.

Faedah telah disampaikan oleh Encik Ismail Bin Abi Hashim, Ketua Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi bersama Encik Abd Razak Bin Omar, Pengarah Pejabat PERKESO Negeri Melaka. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan GrabFood yang selalu memberi kerjasama dalam membekalkan maklumat.

BERAT MATA MEMANDANG, BERAT LAGI BAHU DIPIKUL...





21 September 2020

Ibu...dalam malam kupanggil namamu
Ayah...saat fajar kurindu pelukmu
Ibu...pernahkah kau ingin membelaiku
Ayah...pernahkah kau berpikir tentangku
Ibu...sedarkah kau betapa rindunya aku
Ayah...tahukah kau betapa inginnya diriku berdiri menjadi juara sebagai kebanggaanmu
Ibu... Ayah...ingin hanya aku berada dipelukmu
Bercerita tentang masa lalu yang indah, seandainya aku bersamamu

Demikianlah kehidupan seorang anak yatim, saban hari merindui ibu bapa yang telah pergi menemui pencipta. Atas dasar prihatin kepada nasib yang menimpa anak-anak yatim, Pejabat PERKESO Negeri Melaka telah membuat lawatan pada 21 September 2020 di Madrasah Tahfiz Alquran Walkitab Nur Nyemah yang terletak di Pulau Sebang.

Di samping menyampaikan sumbangan dan meluangkan masa bersama-sama anak-anak yatim, Skuad PERKESO Prihatin Negeri Melaka telah membuat semakan kelayakan caruman waris di Madrasah berkenaan. Hasil semakan mendapat tiga keluarga/waris anak-anak yatim telah layak mendapat faedah pencegah penakat manakala satu keluarga/waris anak yatim didapati masih belum membuat tuntutan pencegah penakat walaupun telah memenuhi syarat kelayakan. Butiran dan maklumat keluarga/waris anak yatim berkenaan telah diambil dan Skuad PERKESO Prihatin Negeri Melaka akan menyusul membuat lawatan ke rumah waris bagi membantu membuat tuntutan faedah PERKESO.

TIDAK MAMPU BERGERAK DISEBABKAN PENYAKIT

10 September 2020

Sewaktu lawatan bersama MPKK Padang Temu ke rumah OB, didapati OB hanya duduk di wheel chair dan tidak mampu untuk bergerak. Memo dari Hospital Melaka mengesyorkan agar OB dirujuk ke Pusat Rehabilitasi bagi Program RTW.





KEMALANGAN MAUT AKIBAT MELANGGAR BABI

8 Julai 2020

OB merupakan pekerja Honda di Alor Gajah Melaka. Sewaktu dalam perjalanan dari rumah menuju ke tempat kerja dengan menunggang motosikal, sekumpulan babi telah melintas jalan mengakibatkan OB terbiasa dan terjatuh.



STAFF JABATAN KETUA MENTERI PULANG KE RAHMATULLAH

11 Jun 2020

OB merupakan pegawai berstatus kontrak di Jabatan Ketua Menteri Melaka. Penyampaian Faedah Pengurusan Mayat kepada waris telah disampaikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Hj Sulaiman bin Md Ali.





PEKERJA MCD MAUT SEWAKTU MENGHANTAR PESANAN

29 April 2020

OB merupakan pekerja MCD telah mengalami kemalangan sewaktu dalam perjalanan menghantar pesanan pelanggan di Jasin. Ibu bapa OB layak menuntut FPM (Faedah Pengurusan Mayat) dan FOT (Faedah Orang Tanggungan).

DIBERHENTIKAN KERJA AKIBAT MASALAH KESIHATAN



16 April 2021

TANJUNG KARANG: Kata orang prihatin itu tak kenal hujan atau panas. Sejajar dengan slogan PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO, walaupun hujan lebat, namun itu tidak menjadi halangan buat Rakan SIP Prihatin Perkeso Tanjung Karang dalam mengambil tindakan proaktif untuk membantu Orang Berinsurans yang juga merupakan seorang Orang Kurang Upaya (OKU). Dengan hanya maklumat yang diterima daripada unit faedah pencerian ilat, Rakan SIP Prihatin Perkeso Tanjung Karang telah mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan lawatan serta-merta pada hari yang sama ke kediaman OB Lee Chai Lai dan juga isterinya di Taman Seri Tiram, Tanjung Karang. Hasil siasatan didapati, OB telah diberhentikan kerja akibat masalah kesihatan dan kini dalam rawatan bagi strok yang dialaminya.

Penyampaian faedah Elaun Mencari Pekerjaan berserta dengan bantuan pemulihan sempena 50 Tahun Perkeso telah disampaikan oleh Pengurus Perkeso Tanjung Karang, Puan Mageswari di kediaman OB. OB juga telah diberikan penerangan lanjut berkaitan Sistem Insurans Pekerjaan dan juga Pencerian Ilat oleh Puan Mageswari melalui isterinya kerana kesukaran komunikasi yang dihadapi oleh OB akibat masalah kesihatan yang dialaminya.

Semoga sumbangan dan sokongan daripada PERKESO sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban kepada OB dan waris dalam kelangsungan hidup serta dapat meningkatkan semangat dan motivasi Orang Berinsurans ini untuk pulih dan kembali semula bekerja.

12 April 2021

Pejabat PERKESO Negeri Selangor pada hari ini mengorak langkah Prihatin dengan mendekati Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Denai Alam, Bukit Subang.

Bermula dengan lawatan skuad PERKESO Prihatin dengan tujuan menghantar Faedah Penakat, hasil kunjungan pada bulan Mac lepas membawa kepada program komuniti ini.

Pada hari ini, 3 Aktiviti utama dijalankan secara serentak bersama penduduk di kawasan sekitar iaitu ; Temuduga & sesi pendaftaran MyFutureJobs, ; Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), ; Dan Sesi taklimat "Jom Mengenali Faedah PERKESO" yang disampaikan oleh Encik Abdullah Kamal kepada peserta yang hadir.

Turut hadir menyempurnakan program ini adalah Encik Zainol Bin Abu, Pengarah PERKESO Negeri Selangor bersama-sama dengan Encik Ahmad Fauzi Mohd Nazam, Pengurus KRT Zon Kota Anggerik B. Peserta yang hadir dideakah dengan kepentingan caruman kepada PERKESO dan faedah-faedah yg ditawarkan khususnya dalam pelbagai insentif kerajaan seperti PENJANA & PEMERKASA yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam membantu rakyat.

Diharapkan semua peserta dan penduduk di Kawasan Rukun Tetangga yang terlibat pada hari ini mendapat manfaat hasil daripada program hari ini.

PROGRAM JELAJAH PRIHATIN 50 TAHUN PERKESO (SELANGOR)



BEBANAN PESAKIT STROK DIRINGANKAN

31 Mac 2021

Skuad PERKESO Prihatin Klang telah menziarahi dan menyerahkan beberapa peralatan perubatan & pemulihan kepada kedua-dua Orang Berinsurans (OB) di sekitar mukim Kapar, Klang pada awal pagi ini. Kedua-dua penerima faedah yang menghidapi penyakit strok tersebut telah menerima bayaran Faedah Pencen Ilat dan juga sumbangan sebagai sebahagian daripada Program Jelajah Prihatin 50 Tahun PERKESO sempena Sambutan Jubli Emas PERKESO. Kedua-dua penerima faedah ini akan sentiasa dipantau oleh pegawai kami agar keperluan peralatan pemulihan mereka akan sentiasa mencukupi agar dapat meringankan beban hidup mereka.

Penyerahan faedah tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Pengurus PERKESO Klang iaitu Encik Mohd Redzuan bin Abu Jamil bersama-sama ahli Skuad PERKESO Prihatin Klang.



PENGORBANAN SUAMI TERHADAP ISTERI YANG DIKASIHI



24 Mac 2021

Gabungan Skuad Prihatin dan Rakan SIP Prihatin PUTRAJAYA telah bertindak proaktif membantu pencarum dan warisnya. Tular di media-media sosial seperti "Facebook" dan "WhatsApp" setempat tentang ujian yang menimpa sebuah keluarga yang memohon doa dan sumbangan daripada orang ramai agar dapat meringankan beban bagi menampung perbelanjaan dan kos rawatan terhadap penyakit yang dialami si isteri.

Rozaitul Akmar Zainudin yang juga merupakan pekerja di Malaysia Airport telah disahkan menghidap Tumor Otak sejak tahun lalu. Beliau kini berada dalam keadaan terlantar dan memerlukan bantuan daripada ahli keluarga untuk menguruskan diri.

Lebih memilukan apabila si suami iaitu Suhaimi Mohd Zahari yang kini sepenuh masa memberi perhatian dan menjaga isterinya telah kehilangan pekerjaan sejak Mei 2020 akibat daripada pandemik Covid-19 yang melanda negara. Sedikit sebanyak keadaan tersebut telah menjasaskan kedudukan kewangan keluarga ini.

Mendengar akan perkhabaran tentang nasib yang menimpa pasangan kepada 5 orang anak ini, Skuad Prihatin dan Rakan SIP Prihatin PERKESO Putrajaya telah mengadakan lawatan ke rumah mangsa yang diketuai oleh Pengurus Pejabat PERKESO Putrajaya iaitu Puan Thavamani Ramalingam diiringi dengan 3 orang Pegawai Prihatin PERKESO Putrajaya bertujuan untuk menyampaikan peralatan pemulihan serta permohonan Pencen Ilat. Manakala En.Suhaimi ditawarkan dengan Perkhidmatan Sesi Kaunseling secara percuma di bawah Rakan SIP Prihatin PERKESO bagi meringankan beban emosi yang ditanggung beliau.

Tidak dinafikan bahawa ujian ini amatlah berat untuk diharungi oleh pasangan ini, namun mereka tetap tabah dan setia tempuh bersama. Hal ini dapat dibuktikan daripada unsur kasih sayang dan pengorbanan mereka. Genggaman erat tangan pasangan tersebut di sepanjang perbualan dengan kami amat jelas membuktikan kesetiaan dan kasih sayang antara mereka.

Justeru, marilah kita mendoakan agar Puan Rozaitul Akmar dapat kembali pulih seperti dahulu dan menjalani kehidupan seperti biasa. Begitu juga dengan ahli keluarga beliau terutamanya Encik Suhaimi agar tabah dalam menghadapi dugaan yang menimpa.



PERGINYA SEORANG SANG PENYAIR & BEKAS POSMEN

23 Mac 2021

Serahan FPM telah dilakukan bersama Presiden Pena serta bersama Ketua Cawangan Skuad Prihatin & Sinergi, Encik Ismail Bin Abi Hashim serta Pengurus Perkeso Klang, Encik Mohanadas A/L Veraya.

HILANG PUNCA PENDAPATAN AKIBAT KEMALANGAN JALAN RAYA KE TEMPAT KERJA

16 Mac 2021

Mendapat perkhabaran berkenaan orang berinsurans melalui Lembaga Zakat Selangor, wakil dari rakan SIP Prihatin & Skuad Perkeso Prihatin telah pergi menziarahi OB ke kediaman beliau yang terletak di Bandar Puncak Alam. Turut serta bersama iaitu Timbalan Pengurus Pejabat, Encik Mohd Redzuan bin Abu Jamil & wakil daripada Lembaga Zakat Selangor, Encik Hilmie. Encik Khairul Amrin yang berusia 25 tahun bekerja sebagai pembantu jualan di sebuah kedai elektrik di Puchong telah menghadapi kemalangan jalan raya tahun lalu ketika dalam perjalanan ke tempat kerja. Akibat kemalangan tersebut beliau telah mengalami kecederaan putus sebelah kaki kanan. Selepas Perkeso Klang mendapat berita tentang kemalangan yang dihadapi OB, semakan terus dibuat bagi membantu OB. Hasil semakan mendapati majikan tidak melaporkan kemalangan kepada Perkeso, malahan OB juga tidak tahu status terkini beliau samada masih bekerja atau sudah diberhentikan kerja oleh majikan. PERKESO Klang telah membantu OB untuk melengkapkan dokumen tuntutan kemalangan dan Rakan SIP Prihatin juga memberikan penerangan lanjut berkenaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan Program Return To Work (RTW). Rawatan pemulihan beliau akan diuruskan oleh Pengurus Kes Cik Amirah & beliau akan dirujuk ke klinik Return To Work untuk rawatan lanjut. Rujukan penempatan pekerjaan pula akan disediakan setelah OB selesai menjalani rawatan pemulihan dan menerima kaki palsu. Kehadiran wakil daripada Perkeso telah membantu OB untuk meringankan bebaninya.





MENINGGAL DUNIA SELEPAS MEMBELI SARAPAN

15 Mac 2021

Penyerahan telah dibuat oleh Ketua Kampung JKKK Kampung Sentosa, Encik Naza bersama Timbalan Pengurus Pejabat Perkeso Rawang dan Anggota Skuad Perkeso Prihatin Rawang.

PEMUZIK TERKENAL MENINGGAL DUNIA

5 Februari 2020

Serahan telah dibuat bersama Encik Ismail Abi Hashim, PPN Selangor, PP Kajang dan Timbalan Pengurus Seniman di Kediaman Waris Lok-U.



SUAMI MENINGGAL DUNIA, PENERIMA PENCEN ILAT, 3 ANAK OKU

25 Januari 2021

Lawatan telah dijalankan pada 25.1.2021 bersama KCF PPN Selangor.

Kehidupan yang sangat daif bagi keluarga ini.



KEHILANGAN SEMUA INSAN TERSAYANG

15 Mac 2021

Pesakit kanser saraf, Allahyarham Mohamad Khairol Ariffin telah meninggalkan seorang ibu, Zawiyah Binti Jahit. Ibu ini menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM), dan bayaran Pencen Penakat setiap bulan seumur hidupnya yang ditinggalkan oleh anaknya.

HILANG TEMPAT BERGANTUNG

21 Disember 2020

RAWANG: Skuad PERKESO Prihatin (SPP) Rawang telah dimaklumkan oleh salah seorang penduduk taman perumahan tersebut mengenai kematian seorang ahli kariah tempatnya Allahyarham Wan Mohd Shahibul Fitri B Mohd Yunus (41 tahun) akibat kegagalan fungsi jantung.

SPP Rawang telah membuat semakan awal rekod caruman Allahyarham dan mendapati carumannya mencukupi untuk diproses dibawah Faedah Pencen Penakat. Isteri Allahyarham telah dihubungi keesokan harinya dan dimaklumkan untuk menziarahi keluarga Allahyarham dan lawatan dibuat oleh SPP Rawang. Isteri Allahyarham hanya menyangka kehadiran PERKESO ke rumahnya bagi tujuan pembayaran khairat kematian sahaja. Apabila diterangkan mengenai faedah PERKESO yang boleh dituntut oleh waris, isteri Allahyarham Puan Mastura Bin Baharuddin (37 tahun) memanjatkan rasa syukur dan berterima kasih yang tak terhingga kepada pihak PERKESO kerana beliau juga akan menerima pencen secara bulanan sepanjang hayat selain anak-anaknya juga akan menerima pencen sehingga berusia 21 tahun. Kelegaannya terubat apabila mengenangkan persiapan persekolahan anak-anak dapat disediakan dengan faedah PERKESO ini.

Pada hari ini, satu sesi penyerahan bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) telah dibuat di rumah keluarga Allahyarham. Bayaran ini disampaikan oleh Pengurus KRT Taman Bersatu, Sdr Azli bersama Skuad PERKESO Prihatin Rawang.



KEHILANGAN ARWAH MASIH DIRASAI BALU DAN ANAK TERIMA MANFAAT PERKESO



4 Disember 2020

BATANG BERJUNTAI: Kehilangan arwah masih dirasai tetapi segala perancangan kehidupan telah ditentu pencipta-Nya, ungkapan yang dapat disebutkan oleh balu kepada Allahyarham Ahmad Anwar Raspan maut pada 2 Disember yang lalu akibat kemalangan yang ditimpa semasa menunggang motosikal dalam perjalanan ke tempat kerja.

Yang menyediakan lagi, Allahyarham juga dihimpit kenderaan pacuan empat roda sebelum terjatuh dan digilis lori yang tidak dapat berhenti sejauh 10 meter dari tempat kejadian. Kes ini telah mendapat perhatian oleh Skuad Perkeso Prihatin Tanjung Karang melalui laporan media.

Allahyarham telah disemadikan di Taman Perkuburan berdekatan Kg Bukit Badong, Batang Berjuntai. Beliau pekerja yang rajin dan aktif dalam melaksanakan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan oleh majikan. Beliau yang juga merupakan kakitangan Tenaga Nasional Berhad dan telah meninggalkan seorang balu, Norifah Ithnin serta dua anaknya iaitu Nur Qurratu, 7 tahun dan Anas Malik, 3 tahun.

Melalui siasatan dilakukan oleh Skuad PERKESO Prihatin mendapati arwah merupakan pencarum aktif PERKESO serta melayakkan balu bersama anaknya menerima manfaat faedah PERKESO melalui Skim Bencana Kerja iaitu Faedah Orang Tanggungan.

Balu juga layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM2000.00. Penyampaian manfaat Faedah Pengurusan Mayat telah disampaikan oleh Pengurus PERKESO Tanjung Karang, Puan Mageswari A/P Subramiam dan Anggota Kumpulan Skuad Prihatin Pejabat Perkeso Tanjung Karang, Puan Kaladevi a/p Subramiam. Turut serta dalam lawatan ini ialah Penghulu Mukim Apip-api, Ijok Encik Husain dan ketua Kampung Bukit Badong Encik Hj. Nasir.



MAYAT LELAKI JATUH JAMBATAN SUNGAI BERNAM DITEMUI

5 Ogos 2020

TANJUNG KARANG: Berikutan laporan media mengenai penemuan mayat mangsa jatuh jambatan Sungai Bernam yang disiarkan pada 29 Julai 2020, Skuad PERKESO Prihatin telah bertindak melakukan siasatan dan semakan kelayakan sejurus menerima maklumat melalui Pegawai Skuad PERKESO Prihatin, Puan Kaladevi a/p Subramaniam.

Hasil siasatan dan semakan mendapati waris layak menerima faedah PERKESO. Suresh a/l Muttusamy, 39, yang merupakan satu satunya anak lelaki pasangan Muttusamy (bapa) dan Unlaloo@Andal (ibu). Suresh yang dikatakan masih bujang tinggal bersama-sama kedua ibubapanya. Kesedihan dan rasa rindu seorang ibu jelas kelihatan diraut wajah ibu mangsa yang menerima kunjungan lawatan PERKESO dan wakil daripada Pejabat Ahli Parlimen Sabak Bernam.

Penyampaian Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2,000 telah disampaikan oleh Pengurus Pejabat PERKESO Tanjung Karang, Puan Mageswari a/p Subramaniam bersama-sama Encik Azmi bin Jaafar, Pegawai Khas Ahli Parlimen Sabak Bernam dan Encik Saiful Azmi, Penghulu Mukim semasa kunjungan di kediaman mereka di Taman Perdana, Sg Besar, Selangor pada hari ini.

Selain itu, ibubapa Suresh, turut layak menerima Pencen Penakat secara puncen bulanan sepanjang hayat mereka. Turut hadir, Ketua Kampung Encik Mohd Zaidi bin Hasun dan Penolong Pengurus Encik Hanafi Tahir.



23 Julai 2020

Tanjung Karang - Pertubuhan Keselamatan Sosial hari ini menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat kepada bala arwah, Naurah Sabihah binti Abdul Rahim. Pengurus Pejabat PERKESO Tanjung Karang, Mageswari a/p Subramaniam bersama-sama Ketua Bahagian Sumber Manusia SYABAS Kuala Selangor, Norulliza Mohd Sadiri yang merupakan wakil majikan kepada arwah Shafizal Shafiq yang ditimpa kemalangan maut semasa perjalanan ke tempat kerja pada 21 Julai 2020 yang lalu telah membuat penyampaian faedah tersebut. Turut menyertai lawatan, Dato Haji Mohd Shahrizal Bin Hj Sahri.



JURUTEKNIK MAUT KEMALANGAN TIDAK SEMPAT TIMANG ANAK SULUNG

"SUASANA GEMBIRA MENJADI DUKA SETELAH ENAM HARI BERPANTANG"

17 Julai 2020

Kegembiraan seorang isteri yang baru sahaja berpantang selama 6 hari setelah menerima cahaya mata yang baru telah bertukar menjadi duka apabila mendapat perkhabaran bahawa suaminya telah terlibat dengan sebuah kemalangan maut pada 13 Jun yang lalu. Allahyarham Muhammad Zamzuri bin Staffar telah meninggal dunia akibat terlibat dalam kemalangan jalan raya di sekitar Pelabuhan Klang dan ketika kejadian Allahyarham yang berusia 31 tahun tersebut sedang dalam perjalanan ingin mencari rezeki dengan memancing ikan di jeti pelabuhan berdekatan.

Berdasarkan hasil siasatan, didapati balu serta 4 orang anak Allahyarham layak menerima Faedah Pengurusan Mayat serta Faedah Pencen Penakat. Usaha Skuad Perkeso Prihatin Klang membuka hasil waris apabila waris telah dapat dikesan melalui media sosial yang tular baru-baru ini. Lawatan bagi penyerahan baucer bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) kepada balu Allahyarham telah dilaksanakan di kediaman mereka yang terletak di Rantau Panjang, Klang. Baucer bayaran faedah berjumlah RM2000.00 tersebut telah diserahkan kepada balu melalui Pengurus Pejabat PERKESO Klang, Encik V. Mohanadas semalam. Semoga dengan adanya bantuan dari PERKESO dapat meringankan beban balu yang kini sedang menanggung 4 orang anak-anak yang masih kecil.





YB ZIARAH, BALU DAN 3 ANAK MENERIMA MANFAAT PERKESO

14 Februari 2020

PETALING JAYA: Seminggu lalu, YB Halimey Abu Bakar telah melaksanakan tanggungjawab beliau untuk meziarahi masyarakat sekitar kawasan DUN beliau. Semasa lawatan ziarah beliau, didapati salah seorang daripada masyarakat setempat iaitu Allahyarham Azizi Bin Ariffin yang telah dijemput Allah secara mengejut pada 4 Februari yang lalu. Kes ini telah mendapat perhatian Skuad Perkeso Prihatin Selangor (Petaling Jaya) melalui penyampaian berita di laman sosial (Halimey Abu Bakar – Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN Seri Setia).

Melalui hasil siasatan didapati Allahyarham telah meninggalkan seorang balu dan 3 anaknya yang masih kecil dan bersekolah. Beliau juga mempunyai rekod caruman yang teratur dan mencukupi membolehkan kelayakan bagi manfaat Perkeso dibawah Skim Keilatan iaitu Pencen Penakat.

Keadaan yang tidak diduga oleh Nurul Natasha binti Yaacob yang merupakan balu kepada arwah Azizi. Keadaan begitu sekejap bagi beliau kerana beliau merasakan baru sahaja berbual dengan arwah. Keadaan yang sedih apabila beliau yang kini menjadi ibu tunggal akan terus berusaha untuk membesarakan anak-anaknya dengan bantuan pencen yang diberikan oleh PERKESO.

Selain daripada Pencen Penakat, Nurul Natasha turut menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000.00 bagi mengurangkan kos pengurusan mayat arwah. Penyampaian faedah PERKESO telah disampaikan oleh YB Halimey Abu Bakar serta turut bersama-sama adalah Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Selangor, Tuan Hj. Ramli bersama-sama pegawaiannya iaitu Faizul Hadzri Zakaria.

TAKDIR PENENTU SEGALANYA

17 Disember 2019

Arwah Mohammad Zaiham Bin Ishak merupakan penghidap kanser paru-paru. Permohonan Pencen Ilat arwah sedang dalam proses untuk penilaian Jemaah Doktor yang dijangka bersidang pada 8/1/2020 akan datang. Namun begitu, takdir adalah penentu segalanya. Arwah telah dijemput Ilahi pada tanggal 16/12/2019 ketika sedang menerima rawatan di KPJ Damansara. Arwah meninggalkan seorang bala serta 2 orang anak yang masing-masing berumur 10 tahun dan 11 tahun yang masih bersekolah.

Bertindak atas maklumat yang diperolehi, Skuad Perkeso Prihatin Kajang telah mengadakan lawatan segera ke kediaman orang tanggungan (OT) pada 17.12.2019 dan bertemu bala, anak-anak serta waris. Maklumat serta borang tuntutan telah dilengkapkan pada hari yang sama bagi meringankan bebanan orang tanggungan (OT).

Faedah Pengurusan Mayat (FPM) telah diluluskan dan dikreditkan ke akaun orang tanggungan (OT) pada hari yang sama. Pengurus Pejabat Perkeso Kajang Puan Thavamani a/p Ramalingam diiringi Timbalan Pengurus Perkeso Kajang, Encik Ahmad Haswadi telah membuat kunjungan Prihatin pada 24.12.2019.

"Terima Kasih Perkeso kerana bantu kami" adalah ungkapan yang meniti di bibir Noor Suzilawati Jamaludin sepanjang kunjungan. Bala bersyukur atas tindakan pantas dan keprihatinan yang diberikan oleh pihak Perkeso Kajang.





KES BUNUH ISTERI DI KOTA TINGGI JOHOR

15 Mac 2021

Mana Bonda?... Mana Ayah ? Dua anak angkat terbaru PERKESO, Muhammad Dayyan Faiq (4 tahun) dan Muhammad Daffa Faiz (3 tahun) ceria menyambut ketibaan Skuad Prihatin PERKESO Terengganu ketika leka bermain bersama-sama sepupu mereka di Kampung Telaga, Hulu Terengganu. Terharu melihat mereka yang mesra dengan panggilan Abang dan Adik, yang masih tidak mengerti kejadian bunuh di Taman Saujana, Kota Tinggi tempoh hari, yang menimpa ibu mereka. Malahan selalu bertanyakan soalan, dimana ibu bapa mereka. Berat bebanan ibu bapa, saudara serta datuk dan nenek yang menjaga mereka apabila dituju soalan yang sama berulang kali. Seawal pagi tadi Skuad PERKESO Prihatin yang diketuai oleh Puan Hajah Fariyah Che Husin, Pengarah PERKESO Negeri Terengganu bersama YB Dr. Haji Mamad Puteh, ADUN Kuala Berang menyempurnakan penyampaian Faedah Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Mayat kepada Puan Mai, nenek mereka. Turut hadir Haji Alias, Pengerusi JPKK Kampung Telaga.



SENYUMAN TERAKHIR PAK LAH DALAM INGATAN

24 November 2020

TIADA LAGI GELAK KETAWA DI RUMAH – AL FATIHAH KEPADA PAK LAH CECUPAK 24 November 2020, Selasa – Musim tengkujuh yang sedang melanda negeri pantai timur diiringi hujan lebat dan air mulai naik bukannya alasan penangguhan Faedah PERKESO kepada waris. “Tiada lagi lawak spontan daripada ayah di rumah”, kata Muhammad Daniel, 18 tahun, anak bongsu kepada Allahyarham Noor Affendi Nurdin, 53 tahun atau lebih dikenali dengan nama samaran Pak Lah dari kumpulan lawak terkenal Cecupak. Beliau menghembuskan nafas terakhir pada 23 November yang lepas di Hospital Kuala Terengganu akibat kanser usus tahap 4. Mendengar berita tersebut, Skuad PERKESO Prihatin Negeri Terengganu terus menjelaki waris yang berada di Kampung Wakaf Tengah bagi menyampaikan faedah. Puan Fariyah Che Husin, Pengarah PERKESO telah menyampaikan Faedah Pengurusan Jenazah dan Faedah Pencen Penakat kepada isteri Allahyarham, Puan Rohamiza binti Ali di kediaman beliau.



24 November 2020

Majlis penyerahan itu disampaikan oleh Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri, Wan Sukairi Wan Abdullah disaksikan Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Terengganu, Hajah Farihah Che Husin. Sementara itu, Hajah Farihah berkata, melalui semakan, arwah Syamiru Aiman adalah seorang pencarum PERKESO dan layak menerima Faedah Pengurusan Jenazah sebanyak RM2,000. Skuad PERKESO Prihatin bertindak dalam masa 24 jam bagi menyiasat dan menyelesaikan kes arwah dengan bantuan bekas Presiden Hoki, Saberi Salleh.



PERKESO BANTU KELUARGA BEKAS PEMAIN HOKI TERENGGANU



7 Jun 2020

MARANG: "Sepuluh hari dia bertarung nyawa di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan tidak menyangka pemergiannya berpunca daripada makanan kegemarannya," kata Rohayu Ariffin, 50, ibu kepada mangsa keracunan puding buih yang meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU) jam 10.40 pagi, Rabu lalu. Rohayu, 50, yang masih sedih dengan pemergian anak sulungnya, Nur Amira Fathihah Abdull Aziz, 25, namun dalam masa yang sama reda dengan ketentuan Allah. Bagaimanapun, katanya, dia tidak menyangka ajal anaknya berpunca daripada makanan kegemaran wanita itu ketika berbuka puasa pada setiap tahun. Menceritakan sebelum kejadian itu, ibu kepada tiga anak itu berkata, puding buih berkenaan dibeli arwah secara dalam talian untuk juadah berbuka puasa pada hari kedua terakhir Ramadan. "Suami, Abdull Aziz Idris, 63, dan anak bongsu, Muhammad Amer Hidayat, 18, yang menggemari makanan itu juga mengalami keracunan manakala saya dan anak kedua, Nur Aishah Wahidah, 20, tidak mengalaminya kerana tidak menjamah puding tersebut.

MANGSA PUDING BUIH DAPAT PENCEN PERKESO



PESANAN TERAKHIR BUAT KELUARGA



31 Mei 2020

Pesanans terakhir buat keluarga kiriman WhatsApp 'Allah Tuhan ku, Islam agama ku, Muhammad nabi ku, al-Quran kitab ku, Kaabah kiblat ku dan mukmin saudara ku' bagaikan petanda Allahyarham Mohd Nazri Yaacob, 43, akan meninggalkan keluarga buat selama-lamanya. Allahyarham yang bekerja di unit keselamatan Bank Negara Malaysia (BNM) maut selepas dipercayai menjadi mangsa langgar lari di Lebuhraya Pantai Baru (NPE), Kuala Lumpur, pada 6.40 pagi, 10 Februari lalu. Ketika kejadian, arwah yang menunggang motosikal dikatakan dalam perjalanan ke tempat kerja dari rumahnya di Subang Jaya, pada 6.30 pagi. WhatsApp yang disusuli perkataan 'Aamin In Shaa Allah' itu dihantar ke kumpulan WhatsApp keluarga sehari sebelum kejadian. Isteri arwah, Fadhlina Abd Rahman, 39, berkata, pada hari kejadian, arwah tidak menunjukkan sebarang perlakuan pelik. "Selepas 10 minit meninggalkan rumah, saya dikejutkan berita suami ditemui terbabit kemalangan. Saya tidak tahu suami berlanggar dengan apa."

PERKESO PRIHATIN NASIB PENERIMA FAEDAH

4 Jun 2020

"Menyantuni Penerima Faedah Yang Terputus Bekalan Makanan" menjadi misi penting PERKESO Negeri Terengganu dalam Fasa 1: Program Tanggungjawab Sosial Korporat 2020. Berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah pastinya memberi kesan terutama kepada individu atau keluarga yang kehilangan ibu, bapa atau ketua keluarga. Menyedari kesukaran ini, PERKESO Negeri Terengganu mengunjungi 20 keluarga pada hari ini bagi menyampaikan sumbangan berupa keperluan asas kepada mereka. "Selain menyegerakan bayaran faedah kepada semua penerima sedia ada dan penerima baharu, PERKESO juga sedang bertungkus lumus memproses tuntutan daripada majikan-majikan serta pekerja yang terkesan daripada wabak COVID-19 ini melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin iaitu Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) dan Program Subsidi Upah (PSU). Namun itu tidak menghalang PERKESO daripada menjalankan tanggungjawab sosial kepada mereka yang susah", kata Fariyah Che Husin, Pengarah PERKESO Negeri Terengganu.





BEKAS PEMAIN BOLA SEPAK TERENGGANU 90-AN PENYAKIT SARAF



31 Mei 2020

Maklumat awal diterima daripada seorang kenalan iaitu rakan sekira pesakit dan FB YB Ustaz Hishamuddin. Makluman awal mendapati beliau menghidap penyakit saraf dan jangkitan kuman akibat kencing manis yang membuatkan beliau hanya mampu terbaring dikatil. Hasil semakan mendapati beliau mempunyai caruman semasa bermain dengan pasukan bola sepak Terengganu pada era 90an dahulu, yang melayakkkan beliau memohon untuk Pencen Ilat dan alatan pemulihan PERKESO. Skuad PERKESO Prihatin akan membuat lawatan ke rumah beliau dan akan terus membekalkan alatan pemulihan berupa Reclining Wheelchair, Commode Wheelchair, Pampers dan Ripple Mattress. Beliau juga akan dibekalkan katil perubatan yang akan dihantar terus ke rumah oleh pembekal. Walaupun tanpa apa-apa permohonan daripada beliau dan keluarga, PERKESO telah pun meluluskan pembekalan ini supaya beliau dan keluarga dapat sedikit bantuan bagi meringankan ketidaksesuaian kehidupan beliau seharian.

31 Mei 2020

Maklumat awal diterima daripada Skuad Prihatin Klang, Selangor. Mangsa telah dilanggar oleh sebuah kenderaan yang melanggar lampu merah. Hasil caruman sehingga bulan kematian, arwah didapati layak menerima kedua-dua faedah tersebut yang akan diterima oleh ibunya seumur hidup. Ibunya akan menerima RM2000 untuk Faedah Pengurusan Mayat dan Pencen Penakat RM436.90 sebulan seumur hidup. YB Hajah Mohd Nurkhuzaini, sempat melapangkan masa untuk menziarah keluarga mangsa bersama Puan Norihan, Timbalan Pengarah PERKESO, seterusnya menyampaikan faedah tersebut.



RIDER LALAMOVE MAUT KEMALANGAN



SESI PENYERAHAN 'MOCK CHEQUE' KEPADA BALU DAN PENGHANTARAN ALAT PEMULIHAN SEMPENA PERKESO 5 DEKAD (PAHANG)

15 April 2021

TEMERLOH: Kehilangan ketua keluarga secara mengejut sememangnya amat pahit ditelan apatah lagi meninggalkan 3 orang anak-anak yang masih memerlukan perhatian seorang insan bergelar ayah.

Khairul Izmi bin Baharuddin, 44 tahun seorang kakitangan Radicare Temerloh telah menghembuskan nafas terakhir pada 4.4.2021 akibat dirempuh sebuah lori yang melanggar lampu isyarat merah semasa dalam perjalanan ke tempat kerja.

Majikan dan waris telah melengkapkan borang tuntutan dan bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) telah dibayar pada 15/4/2021. Skuad Prihatin PERKESO Temerloh dan Ketua Unit Faedah, Encik Nor Azman bin Osman bersama-sama Pengurus PERKESO Temerloh, Puan Roziah binti Abdul Wahid, turut serta wakil majikan Radicare Temerloh telah mengadakan ziarah Prihatin pada hari ini untuk menyampaikan 'mock cheque' Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2000 kepada balu. Balu juga akan menerima Pencen Penakat setiap bulan sepanjang hayatnya dan ketiga-tiga orang anak arwah akan menerima pencen sehingga umur anak arwah mencapai 21 tahun atau pun selepas tamat ijazah pertama sekiranya anak arwah menyambung pelajaran nanti.



15 April 2021

Selepas sesi penyerahan 'mock cheque', jelajah Prihatin sempena 50 tahun PERKESO diteruskan dengan penghantaran kerusi roda dan diaper kepada 3 orang OB di Mentakab, Maran dan Jengka. OB juga turut menerima sumbangan barang-barang keperluan dapur. Ketiganya OB mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada PERKESO kerana bantuan bekalan diaper secara berkala dan juga alatan pemulihan yang lain. Semoga dengan bantuan ini akan dapat meringankan beban keluarga masing-masing.



SKUAD PERKESO PRIHATIN ZIARAH KELUARGA WARIS - KEMATIAN PESARA PERKESO TETAP DIBELA

27 Januari 2021

BENTONG: Pesara PERKESO, Abdul Rahman Mahmud yang telah menghembuskan nafas terakhirnya pada subuh 26.01.2021 telah selamat dikebumikan pada hari yang sama di Tanah Perkuburan Kayu Ara tidak jauh dari lokasi Masjid Tengku Sulaiman, Ketari.

Sejak 26.01.2021 lagi, Skuad PERKESO Prihatin bersama Pengurus PERKESO Bentong, Ahmad Shazwan Bohari telah menunggu jenazah arwah di Masjid Ketari untuk diberikan bantuan yang sepatutnya dalam pengurusan jenazah beliau. Pengurus juga sempat menemui isteri arwah disamping menyampaikan sedikit bantuan kewangan hasil daripada sumbangan anggota PERKESO.

Pada hari ini, Skuad PERKESO Prihatin sekali lagi telah mengunjungi waris arwah bagi menyerahkan bayaran Faedah Pengurusan Jenazah (FPM) berjumlah RM2000 . Untuk makluman, arwah juga merupakan penerima Faedah Pencen Ilat atas masalah kesihatan yang serius terutama melibatkan masalah kegagalan fungsi buah pinggang beliau sejak beberapa tahun yang lalu.

Didoakan agar arwah ditempatkan dikalangan orang yang beriman dan didoakan juga agar waris beliau terus tabah dan redha dengan pemergian arwah.



"PERGINYA MENGEJUT, KETUA KELUARGA MENINGGALKAN EMPAT BERANAK"

11 Januari 2021

TEMERLOH: Kehilangan orang tersayang sememangnya amat pahit untuk ditelan apatah lagi anak sulung daripada tiga beradik menyaksikan sendiri ayah tersayang terkena renjatan elektrik semasa membantu neneknya memindahkan barang ketika banjir di Kampung Paya Kechil Temerloh.


Arwah Isyraf bin Muhammad merupakan seorang pegawai Maybank Temerloh yang menghembuskan nafas terakhir pada 05.01.2021. Berita kematian arwah dimaklumkan oleh Ketua Cawangan Skuad PERKESO Prihatin, Encik Ismail melalui 'Whatsapp' dan hasil semakan mendapati waris layak menerima Faedah Pencen Penakat. Skuad Prihatin PERKESO Temerloh menghubungi waris pada hari yang sama namun waris masih dalam tempoh bertenang lebih-lebih lagi keadaan banjir yang masih belum reda dan banyak jalan dinaiki air.

Waris telah melengkapkan borang tuntutan pada 11.01.2021 dan bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) telah dibayar pada hari yang sama. Skuad Prihatin PERKESO Temerloh dan Pengurus PERKESO Temerloh, Puan Roziah Wahid bersama-sama Pengarah PERKESO Negeri Pahang, Encik Tarmizi Mukhtar telah mengadakan ziarah Prihatin pada hari ini untuk menyampaikan 'mock cheque' Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2000 kepada balu. Balu juga akan menerima Pencen Penakat setiap bulan sepanjang hayatnya dan ketiga-tiga orang anak arwah akan menerima pencen sehingga umur anak arwah mencapai 21 tahun ataupun selepas tamat ijazah pertama sekiranya anak arwah menyambung pelajaran nanti.





DERITA SAKIT KRONIK MENDAPAT PERHATIAN PERKESO BENTONG - SKUAD PERKESO PRIHATIN SALUR BANTUAN PENGHUNI TAMAN WIJAYA



9 Disember 2020

KARAK: Berikutnya ziarah Skuad PERKESO Prihatin (SPP) ke rumah Salimee Salim, 54 tahun yang mengidap pelbagai penyakit kronik pada 04.12.2020 di Taman Wijaya, Karak atas makluman Sahabat SPP telah membuat semakan kelayakan caruman dan mendapat beliau mempunyai kelayakan bagi membolehkannya membuat permohonan Pencen Ilat (Bantuan).

Proses mendapatkan maklumat perubatan dan melengkapkan borang telah berjaya disegerakan dengan kerjasama pelbagai pihak. Beliau kemudian telah dirujuk ke Sidang Jemaah Doktor pada 08.12.2020 dan disahkan mengidap keilatan. Selain itu, beliau juga telah mendapat pengesyoran bekalan peralatan pemulihan seperti kerusi roda dan juga lampin dewasa.

Pengurus PERKESO Bentong, Ahmad Shazwan Bohari bersama-sama Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Wijaya, Kamaruddin atau lebih mesra dengan panggilan Pak Long hari ini telah membuat ziarah prihatin disamping menyampaikan bekalan pemulihan kepada Salimee.

Semoga dengan bantuan yang disalurkan dapat mengurangkan sedikit beban kepada keluarga beliau yang terus cekal menjaganya walaupun dalam keadaan yang agak sedikit sukar.

Terima kasih kepada Sahabat SPP yang begitu prihatin kepada masyarakat persekitaran dan semoga lebih ramai lagi insan yang layak mendapat bantuan untuk diberikan hak mereka.



8 Disember 2020

KARAK: "Salah seorang pemandu lori saya telah terlibat dengan kemalangan jalanraya ketika menjalankan tugas pada petang 05.12.2020 (Sabtu), namun pihak PERKESO telah mula menghubungi waris pada 06.12.2020 (Ahad) untuk mendapatkan maklumat lanjut".

"Semalam (Isnin-07.12.2020), saya telah dijemput untuk bersama-sama anggota PERKESO Bentong untuk menziarahi waris bagi menyerahkan bayaran pengurusan mayat, tetapi saya minta untuk ditangguhkan ke hari ini memandangkan proses menguruskan mayat mendiang masih dalam proses pengkbumian". Berikut antara perkongsian majikan mendiang ketika ditemui hari ini di kediaman waris.

Pengurus PERKESO Bentong, Ahmad Shazwan Bohari bersama-sama pengurus Rao Logistic S/B telah melakukan ziarah ke rumah waris sekaligus menyerahkan 'Mock Cheque' Faedah Pengurusan Mayat kepada bala dan anak-anak mendiang.

Majikan mendiang juga sempat berkongsikan pesanan kepada masyarakat terutamanya golongan majikan untuk memastikan pekerja mereka dicarumkan dengan PERKESO disamping mematuhi segala undang-undang yang berkaitan pekerjaan.



SKUAD PERKESO PRIHATIN BERTINDAK PANTAS - WARIS PEMANDU LORI MENDAPAT PEMBELAAN PERKESO

19 November 2020

BENTONG: Benarlah apa yang selalu disebutkan orang, 'jika hendak tahu amalan seseorang itu ketika hayatnya, cubalah lihat pada hari kematianya, jika ramai Jemaah yang hadir dihari pengebumiannya, begitu jugalah banyak amal kebaikannya kepada manusia'. Begitulah perumpaan yang dapat digambarkan kepada Allahyarham Abdul Muzir Samsudin yang telah terlibat dengan kemalangan jalanraya ketika dalam perjalanan dari tempat kerja balik ke rumah dalam keadaan cuaca yang kurang baik. Beliau telah disahkan meninggal dunia di tempat kejadian dan jenazah telah selamat dikebumikan pada keesokan paginya yang telah dihadiri oleh ramai sanak saudara dan rakan kenalannya.

Berita kemalangan yang berlaku sebelum Tol Bentong menghala Kuantan tersebut telah mendapat liputan yang agak luar biasa terutama melalui perkongsian media sosial seperti 'Facebook' dan Group 'Whatsapp' sejak malam 16.11.2020 lagi yang memaparkan tentang peristiwa tersebut. Disamping itu, tidak kurang juga rakan-rakan seperjuangannya yang turut berkongsikan kisah yang sama serta memberikan gambaran keperibadian Allahyarham yang amat disenangi oleh semua.

Sejurus menerima maklumat daripada pelbagai sumber termasuk daripada pihak Polis DiRaja Malaysia, Skuad PERKESO Prihatin telah bertindak menghubungi waris untuk mendapatkan maklumat awal yang diperlukan bagi memproses tuntutan. Pihak majikan juga telah dihubungi bagi melengkapkan laporan kemalangan memandangkan kejadian adalah perjalanan berkaitan dengan bencana pekerjaan. Memandangkan waris yang memerlukan sedikit masa untuk memberikan maklumat penting bagi memproses kes, maka pembayaran Faedah Pengrusan Jenazah (FPM) hanya dapat dikeluarkan pada 18.11.2020. Ziarah prihatin dan penyerahan 'mock cheque' FPM telah dihadiri oleh Pengarah PERKESO Negeri Pahang, Tarmizi Mukhtar diiringi oleh Pengurus PERKESO Bentong, Ahmad Shazwan Bohari dan Wakil Pengurusan PASTI Bentong, Roslan Md Esa. Selain bayaran FPM, waris termasuk anak-anak dibawah umur 21 tahun layak menerima bayaran Faedah Orang Tanggungan (FOT) secara bulanan.

Daripada kisah kes diatas dapat kita merumuskan banyak perkara positif seperti hubungan baik antara manusia dan tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat. Kehadiran ramai sanak saudara dan rakan kenalan arwah pada hari pengebumiannya telah memberikan gambaran yang jelas betapa banyaknya amal kebaikan allahyarham semasa hayatnya. Dalam perkara lain pula dapat kita lihat betapa hebatnya seluruh lapisan masyarakat telah mula menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing walaupun dengan hanya menyulur atau berkongsikan maklumat sesuatu kejadian luar jangka terutamanya melibatkan kematian agar dapat sampai kepada pihak yang berkaitan untuk diambil tindakan dengan segera. Sebagai contoh terdekat adalah kes ini sendiri, dimana PERKESO melalui Skuad PERKESO Prihatin dapat mengambil tindakan proaktif membantu waris sebaik sahaja menerima maklumat berkaitan kisah yang menyayat hati ini.

Tahniah buat semua lapisan masyarakat yang telah menjalankan tanggungjawab sebagaimana sepatutnya dan diharapkan sikap sebegini dapat diteruskan lagi sehingga lebih ramai lagi insan lain yang dapat dibantu. Kami di PERKESO sekali lagi mengucapkan Takziah buat seluruh ahli keluarga Allahyarham dan sentiasa mendoakan agar semua diberikan kesabar dan kekuatan yang tinggi dalam meneruskan kehidupan walaupun tanpa kehadiran orang yang tersayang.

KERETA TERBABAS, PENUNGGANG MOTORSIKAL MAUT, SKUAD PERKESO PRIHATIN BERTINDAK PROAKTIF MEMBANTU WARIS





15 Oktober 2020

PENJOM: Maklumat awal yang terima daripada Skuad PERKESO Prihatin Negeri Pahang mengesahkan Nor Hasni Abdullah Hashim pernah membuat tuntutan PERKESO sebelum ini namun dikatakan tidak ada sebarang maklum balas diterima oleh beliau.

Skuad PERKESO Prihatin Bentong yang diketuai oleh Pengurusnya, Ahmad Shazwan Bohari telah membuat lawatan segera ke rumah beliau. Penerangan hampir sejam telah diberikan oleh pengurus disamping menunjukkan tatacara membuat dan mengisikan borang yang telah diberikan kepada beliau.

Untuk makluman, beliau merupakan Orang Kelainan Upaya (fizikal-kaki) sejak lahir lagi. Keadaan semasa kedua-dua lututnya semakin lemah dan memerlukan alatan bantuan untuk bergerak seperti kerusi roda yang lebih ringan kerana alatan yang ada agak uzur dan berat bagi saiz tubuh beliau.

Bantuan peralatan kerusi roda yang bersesuaian akan diserahkan kepada beliau dengan segera sebaik sahaja bekalan diterima kelak. Buat masa ini juga, beliau hanya tinggal dirumah bersama kakaknya yang membantu beliau sekiranya hendak melakukan sebarang urusan diluar.

PENERANGAN TERUS KE PINTU RUMAH PENCARUM - BEKAS PEKERJA OKU SEKOLAH DISANTUNI PERKESO



12 Oktober 2020

Menerima permohonan Pencen llat di kaunter pejabat pada petang Jumaat lepas, Pengurus PERKESO Bentong, Ahmad Shazwan Bohari telah membuat ziarah prihatin ke rumah pemohon, Maliah a/p Somiah, 59 tahun, yang kini tidak dapat berjalan akibat kehilangan kaki kanan (dipotong) berikutan masalah penyakit kencing manis yang dialaminya.

Semasa ditemui, beliau hanya dijaga oleh anak dan cucunya. Mengikut rekod, Maliah pernah bekerja sebagai penoreh getah disalah sebuah ladang di Bentong dan telah berhenti kerja sejak 20 tahun yang lalu.

Walaupun telah lama berhenti, namun caruman yang pernah dibuat sebelum ini masih melayakkan beliau untuk membuat tuntutan dibawah Skim Keilatan (Bantuan) dimana jika disyorkan oleh Jemaah Doktor, beliau akan layak menerima bantuan keilatan dan juga peralatan pemulihan.

Kes beliau dijadualkan untuk dirujuk ke Sidang Jemaah Doktor pada 26.10.2020 seperintama tarikh yang telah diberikan oleh pihak Hospital berkaitan.

BEKAS PEKERJA LADANG MENDAPAT PERHATIAN PERKESO BENTONG



KUANTAN



ZIARAH PRIHATIN

22 Jun 2020

Pengurus Perkeso Temerloh, Puan Roziah Abdul Wahid telah mengadakan Ziarah Prihatin di Rumah Encik Mohd Shah Afendi di Felda Jengka 24. OB merupakan penerima Pencen Ilat, menerima Elaun Layanan Sentiasa (ELS), diapers dan susu khas setiap bulan daripada Perkeso. OB mengalami keilatan semasa terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun lalu dan terlantar sehingga kini serta memerlukan penjagaan rapi dari ahli keluarganya.



PENYAMPAIAN MOCK CEK KEPADА WARIS NUR ANIRA BINTI MOHD NAZARI

1 Jun 2020

Pengarah Perkeso Negeri Pahang, Encik Tarmizi Mukhtar bersama-sama Pengurus Perkeso Temerloh, Puan Roziah Abdul Wahid telah menziarahi ibu bapa kepada Nur Anira Bt Mohd Nazari bagi menyampaikan cek Faedah Pengurusan Mayat di kediaman ibu bapa arwah di Kg Tebing Tinggi, Jerantut. Arwah terlibat dalam kemalangan semasa dalam perjalanan dari rumah ke tempat kerja pada hari raya pertama iaitu 24.05.2020 dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

KUANTAN

KUNJUNG ZIARAH ORANG BERINSURANS BAGI MEMBANTU TUNTUTAN FAEDAH DIBAWAH SKIM KEILATAN



31 Mac 2021

TELUK KUMBAR: Rasa sayu mula menerjah di hati tatkala melangkah masuk ke rumah Orang Berinsurans (OB) Zaharah Ngah Abdullah yang mengalami strok buat kali ketiga yang menyebabkan berlaku kehilangupayaan disebelah kanan anggota badannya.

OB yang sebelum ini bekerja sebagai pembantu restoran di sebuah restoran makanan segera terpaksa meletakkan jawatan kerana masalah kesihatan. Kini hanya terlantar dan dijaga oleh ibu mertuanya yang berumur 70 tahun.

Kunjung ziarah telah dibuat ke rumah OB oleh Pengurus PERKESO George Town, Puan Rafidah Abdul Rahim, Pengurus Kes RTW, Encik Mohd Zaki Zainudin dan Pegawai Skuad PERKESO Prihatin, Encik Mohd Hafiz Kamarudin bagi menilai kondisi OB seterusnya membantu membuat tuntutan faedah yang sepatutnya serta alatan pemulihan bagi keperluan OB.

Kes OB juga telah didaftarkan dibawah Program Sinergi Sosial bagi menyalurkan maklumat berkaitan OB untuk perhatian agensi atau NGO berkaitan bagi tujuan bantuan yang selayaknya buat OB.

Adalah diharapkan agar OB dan keluarga tabah mengharungi ujian hidup dan PERKESO sedaya upaya akan membantu memberikan bantuan agar kehidupan setiap OB sentiasa dipayungi perlindungan keselamatan sosial.

'PERKESO Itu Prihatin, Prihatin Itu PERKESO'



MASIH ADA SINAR DALAM KEPILUAN

31 Mac 2021

BAYAN LEPAS: Bertindak proaktif atas maklumat yang disampaikan oleh Pejabat Ketua Eksekutif PERKESO, kunjung ziarah dilakukan bersama Pengurus Pejabat Perkeso George Town Puan Rafidah Abdul Rahim, Skuad PERKESO Prihatin, Rakan SIP Prihatin, Unit Perubatan dan Pemulihan ke rumah Orang Berinsurans (OB), Husin Omar di Kampung Seronok Bayan Lepas. Sempena ziarah 50 tahun PERKESO ini juga, OB ini disantuni dengan pembekalan kerusi roda baru serta bekalan lampin pakai buang untuk tempoh sebulan.

Hasil daripada penilaian Pengurus Kes, OB amat berpotensi untuk meningkatkan "daily living activity" melalui rawatan pemulihan yang intensif di Pusat Rehabilitasi Perkeso (PRP), Melaka. Setelah membuat perbincangan dengan ahli keluarga, mereka bersetuju untuk melepaskan OB menjalani rawatan pemulihan di PRP demi masa depan yang lebih cerah dengan rawatan terbaik dari pusat rehabilitasi terbaik di Malaysia.

OB akhirnya menangis kerana terlalu gembira dan terharu dengan kedatangan yang tidak dijangka, tambahan pula beliau menerima tawaran bagi menjalani rawatan di PRP dengan segala kos pemulihan ditanggung oleh PERKESO sepenuhnya.

"Syabas dan Terima Kasih PERKESO"

"PERKESO Itu Prihatin, Prihatin Itu PERKESO"





NOORASLINDA - ZIARAH WARIS BERSAMA YB AZRUL DUN BAYAN LEPAS

7 Januari 2021

Kemalangan maut OB sewaktu dalam perjalanan ke tempat kerja. OB masih bujang dan mempunyai ibu bapa serta 2 adik yang berumur di bawah 21 tahun. FPM diuruskan dan kunjung ziarah dilakukan ke rumah waris berserta sumbangan barangang dapur.



MDM. SONG LI NA - DILANGGAR PEMANDU MABUK DI FARLIM


14 Februari 2020

Motosikal OB dirempuh sebuah kereta yang hilang kawalan dan terbabsa memasuki jalan bertentangan. Ziarah waris di Mt. Erskine Crematorium oleh Pengurus Pejabat Perkeso George Town, Puan Rafidah Abdul Rahim bersama-sama YB Yeoh Son Hin Adun Paya Terubong dalam Majlis Penyampaian Faedah Pengurusan Mayat.



LAWATAN PRIHATIN KE RUMAH OB STROKE DI SG RUSA BERSAMA ADUN T.BAHANG

5 April 2021



Lawatan Dilakukan Bersama YB Zol, Adun T.Bahang Setelah Maklumat Diterima Berkaitan OB Yang Diserang Stroke 2 Minggu Yang Lalu. Bantuan Peralatan Pemulihan Akan Diberikan Dan OB Dimasukkan Ke Dalam Program Sinergi Sosial.

OB LUMPUH SEPARUH BADAN MENDERITA SAKIT SELAMA 8 TAHUN

4 Februari 2020



Mendapat Maklumat Dari FB YB Zolkifli, Adun Batu Maung, Kunjungan Telah Dilakukan Ke Rumah OB. OB Hanya Layak Untuk Bantuan Ilat. Borang Ilat Telah Diberi Pada Hari Lawatan. OB Juga Tidak Pernah Langsung Mendapat Rawatan Di Sebarang Klinik/Hospital Atas Sakit Yg Dialaminya Selama Ini.

PEMAIN BOLA SEPAK MENGHIDAP KANSER FEMUR

3 Mac 2020



Mendapat Info Dari MIC Penang Berkenaan Kes OB. Semakan Mendapatkan OB Mempunyai Cukup Caruman Dan Layak Untuk Ilat. Lawatan Dilakukan Bersama Wakil Pengurus Dan Borang Tuntutan Dikemuka Kepada Isteri OB.

NELAYAN DITIMPA KEMALANGAN


4 November 2020

Mendapat maklum daripada Ketua Unit Nelayan Sg Batu - Encik Zakaria. OB pencarum SPS dan mengalami kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaannya. Lawatan telah dilakukan oleh Pengurus Pejabat Perkeso George Town, Puan Rafidah Abdul Rahim dan Borang Tuntutan dibawa pada hari lawatan dan diambil bersama-sama dokuman berkaitan untuk tuntutan Hilang Upaya Sementara (HUS).





ZIARAH DEEPAVALI DAN PENYAMPAIAN PERALATAN FAEDAH



4 November 2020

Keperluan bekalan diapers serta urine bag. Lawatan bersama YB Zolkefly, Adun T.Bahang ke rumah OB. Penyampaian hamper Deepavali turut disampaikan.



PEKERJA KILANG MATI TERSEPIT PADA MESIN



10 Ogos 2020

OB ditemui meninggal dunia semasa membaiki mesin di tempat kerjanya. OB bekerja di Kilang Bbraun sebagai technician. Kes telah dibayar di bawah FPM pada 10/8/2020. FOT juga didaftarkan. Tarikh matang ialah 1/9/2020. Lawatan ke rumah bersama YB Azrul Adun Bayan Lepas serta pihak media.



PILU 7 BERADIK...

9 Jun 2021

Penyampaian Sumbangan Tabung Prihatin PERKESO Dan Kutipan Derma Kilat Anggota Pejabat PERKESO Teluk Intan. Bapa, arwah Mohd Azman Bin Tabri adalah penerima Pencen Ilat telah meninggal dunia pada 2019. Kematian ibu mereka pada 2 Jun 2021 menjadikan tujuh beradik ini yatim piatu.

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. PERKESO Teluk Intan di bawah Skuad Prihatin PERKESO telah bergerak menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan 'Kotak Prihatin' dari Tabung Prihatin PERKESO dan sumbangan kilat anggota pejabat PERKESO Teluk Intan. Sumbangan disampaikan oleh Puan Nurul Ain Binti Hassan mewakili Pengurus PERKESO Teluk Intan.

Walaupun ibu telah meninggal, nasib tujuh beradik ini terus terbelah di bawah jagaan saudara terdekat. Bayaran Pencen Penakat bagi syer anak-anak akan terus dibayar sehingga anak-anak berumur 21 tahun atau sehingga tamat ijazah pertama jika melanjutkan pelajaran.

Semasa majlis penyampaian kami dikejutkan dengan kehadiran Orang Besar Jajahan (OBJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) dan lain-lain agensi. Di kesempatan ini, pihak PERKESO mengambil peluang menyampaikan maklumat berkaitan faedah-faedah PERKESO dan faedah yang layak kepada anak-anak yatim piatu ini dan OBJ berharap satu kerjasama serta jalinan prihatin dapat dijalankan dalam menyampaikan sumbangan atau faedah kepada mana-mana waris yang layak di masa hadapan.





JELAJAH PRIHATIN SEMPENA 50 TAHUN PERKESO OLEH PERKESO TELUK INTAN SIRI IV

15 April 2021

Skuad PERKESO Prihatin (SPP) Teluk Intan pada siri jelajah ke-4 telah berpeluang menyantuni Puan Sa'adiah Jamal yang baharu kehilangan suami iaitu Allahyarham Che Rosli Bin Hassan yang meninggal dunia pada 4 April 2021 yang lalu. Walaupun masih bersedih dengan pemergian suami tercinta, beliau tetap tabah dan masih mampu bercerita serta menyambut mesra semua tetamu.

Hasil siasatan SPP, Orang Berinsuran(OB) yang bekerja sebagai pengawal keselamatan didapati memenuhi kelayakan caruman untuk melayakkan waris menerima Faedah Pencen Penakat. Caruman-caruman yang telah dibayar oleh kesemua majikan sepanjang tempoh perkhidmatan OB telah diambilkira dalam penentuan kelayakan ini. Disamping faedah Pencen Penakat yang akan dibayar kepada balu dan anak-anak di bawah umur 21 tahun, balu juga menerima baucar bayaran Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2000.00 yang disampaikan oleh Puan Rak Boon Tan Rat, Pengurus PERKESO Teluk Intan.

Kunjungan ini telah mendapat perhatian dan turut disertai oleh Tuan Haji Khairul Anuar Bin Salahudin yang mewakili Pegawai Pendidikan Daerah(PPD) Hilir Perak, Pengetua SMK Sg Manik, dan pihak majikan iaitu Sierra Alfa Sdn Bhd. Pihak PPD menzahirkan rasa terharu dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah menyegerakan prosesan kes OB sehingga selesai.

Terima kasih kepada pegawai Skuad Prihatin PERKESO Kuala Kangsar yang telah menyalurkan maklumat awal kes ini.

"PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO"

26 Mac 2021

Skuad PERKESO Prihatin(SPP) Teluk Intan telah berpeluang menyantuni Pn Nor Irshahidah Mahmudin iaitu bala kepada allahyarham Mohamad Syafiq Sulaiman yang meninggal dunia pada 12.3.2021 setelah terlibat dengan kemalangan di KM 149.5 Lebuhraya Persisiran Pantai Barat(WCE).

Siri Jelajah Prihatin ini telah mendapat perhatian YB Dato' Mohd Azhar Jamaluddin (ADUN Changkat Jong) yang turut bersama-sama meluangkan masa menziarahi keluarga arwah.

Informasi mengenai kemalangan ini telah disalurkan oleh Ketua Kampung Bagan Lalang yang juga pernah menghadiri taklimat program Mysynergy di pejabat PERKESO. Maklumat awal ini telah membolehkan Skuad PERKESO Prihatin mengambil tindakan proaktif dan meluluskan bayaran Faedah Pengurusan Mayat(FPM) sebanyak RM2000.00. Selain FPM, orang tanggungan iaitu bala dan seorang anak layak menerima bayaran Pencen Penakat. Bayaran pencen ini akan dibayar kepada bala sepanjang hayat dan syer anak sehingga 21 tahun atau sehingga tamat ijazah pertama.

"PERKESO Itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO."

JELAJAH PRIHATIN SEMPENA 50 TAHUN PERKESO (PERAK)






KISAH TRAGIS ANAK PERANTAU KELAHIRAN NEGERI PERAK

19 Februari 2021

TRONOH: Seorang penghantar makanan, Saiful Haffiz Bin Saedon maut akibat motorsikal yang dinaikinya telah dirempuh oleh sebuah lori yang dipandu laju di Lebuhraya Damansara-Puchong(LDP) melibatkan 5 kenderaan pada 9..2021. Dalam kejadian kira-kira 1:40 tengah hari tersebut, mangsa parah dan maut di tempat kejadian. Adik kepada arwah, Saiful Ridzuan telah menerima panggilan telefon daripada orang awam memaklumkan akan kemalangan tersebut pada hari yang sama.

Arwah merupakan anak sulong daripada 3 orang adik-beradik, masih bujang dan merupakan pemandu motorsikal Grab di KL/Selangor. Menurut kenyataan bapanya, arwah dan adiknya yang bekerja di Selangor ada merancang untuk pulang bersama ke rumah ibubapanya sebaik sahaja tamat tempoh PKP namun hasratnya tidak kesampaian. Turut bersimpati dengan nasib yang menimpa keluarganya, Encik Anthony Arul Dass, Pengarah Negeri PERKESO Negeri Perak, telah hadir meluangkan masa di kediaman keluarga terbabit hari ini bagi menyerahkan cek faedah PERKESO berjumlah RM2,000.00 bagi Faedah Pengurusan Mayat kepada kedua ibubapa mangsa.

Skuad Prihatin PERKESO mengambil inisiatif bertindak pantas dalam mengesan waris serta membantu mempercepatkan proses tuntutan sebaik sahaja mendapat maklumat berkenaan kemalangan tersebut melalui emel, 'Facebook' dan surat khabar yang disiarkan sehari selepas kemalangan. Selain Faedah Pengurusan mayat, waris layak menerima Faedah Pencen Penakat dimana ianya merupakan pencen bulanan yang akan dibayar kepada ibubapa arwah. Waris juga turut layak menerima Faedah Orang Tanggungan memandangkan arwah turut mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Bantuan faedah ini diharapkan sekurang-kurangnya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga arwah.





LAWATAN SKUAD PRIHATIN KE RUMAH PEKERJA PERKESO TELUK INTAN UNTUK PENYERAHAN ALAT PEMULIHAN

13 Januari 2021

Pekerja PERKESO Teluk Intan telah ditimpa kemalangan pada 08.01.2021 dan mengalami kecederaan koyak tisu pada bahagian peha kiri. Beliau memerlukan rangka berjalan bagi membantunya untuk berjalan. Tindakan proaktif telah diambil oleh Skuad dengan membekalkan alat pemulihan tersebut setelah menerima memo doktor dan juga pendaftaran kes dibawah ilat.



LAWATAN PENILAIAN AWAL KEPERLUAN ALATAN PEMULIHAN DAN RTW KE RUMAH OB REHAN BIN MOHAMAD

7 Disember 2020

Orang Berinsurans pernah memohon Pencen Ilat atas masalah sakit jantung dan disahkan tidak menghidap keilatan. Namun OB mengalami kesukaran berjalan dan juga menguruskan diri sendiri. Lawatan Penilaian Awal Keperluan Alatan Pemulihan Dan RTW telah dilakukan pada 07.12.2020 oleh Pengurus Kes Perkeso Teluk Intan. Penyerahan Walking Frame telah dilakukan melalui Skuad Prihatin pada 11.12.2020.





LAWATAN BERSAMA PEMIMPIN MASYARAKAT KE RUMAH MANGSA KEMALANGAN TRELER BERDEKATAN GOPENG



5 November 2020

Susulan daripada kes kemalangan maut di Kilometer 10, Jalan Malim Nawar - Kota Bharu yang membabitkan 3 sekeluarga iaitu ayah dan 2 orang anak lelaki yang masing-masing berumur 6 dan 9 tahun, Exco Wanita, Keluarga Dan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak, Datuk Dr Wan Norashikin turut menziarahi waris mangsa di Chenderong Balai bersama PPP Teluk Intan, Puan Rak Boon A/K Tan Rat semasa lawatan ini. Borang tuntutan kes kemalangan ini telah diterima pada 10.11.2020 daripada majikan dan dalam siasatan Pegawai Perkeso.



MOGA KITA BERTEMU DI SYURGA NANTI.....

21 Oktober 2020

Setelah memperoleh anak lelaki pertama pada tahun 2016 dan kini berumur 5 tahun, pasangan Nur Shamira Roslan dan Muhamad Nor Syahiddan teruja selepas mendapat berita isterinya disahkan hamil anak kedua dan dijangka akan melahirkan anak pada 21 Oktober 2020.

Namun takdir telah menentukan segalanya, isterinya telah disahkan meninggal dunia pada 18.10.2020 jam 10.31 malam di Hospital Taiping akibat komplikasi jangkitan kuman. Lebih menyediakan bayi perempuan yang dikandung oleh isteri juga turut disahkan meninggal dunia sebelum itu dan kedua-dua jenazah ini telah selamat dikebumikan dalam satu liang lahad pada 19 Oktober 2020 di Tanah Perkuburan Kg Cheh, Bkt Gantang. Pasangan ini yang tinggal di Bukit Gantang, Perak bekerja sebagai pekerja am di sebuah kedai yang terdapat di RnR berhampiran dengan rumah mereka.

Skuad Perkeso Prihatin (SPP) Taiping yang telah mendapat info kematian Allahyarhamah melalui Facebook telah segera menghubungi Jabatan Forensik Hospital Taiping bagi mendapatkan maklumat si mati dan hasil semakan mendapati waris Allahyarhamah layak untuk menerima Pencen Penakat daripada Perkeso.

SPP kemudiannya telah menghubungi suami Allahyarhamah dan kesemua dokumen telah diperolehi pada petang 20 Okt 2020. Suami Allahyarhamah ketika ditemui, menyatakan rasa terkejutnya dengan kehadiran pihak SPP kerana beliau bercadang mahu menguruskan sendiri tuntutan kematian Allahyarhamah pada minggu hadapan.

Pada hari ini, Pengurus Perkeso Taiping, YM Tunku Shahrain Bin Tunku Salehan telah menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2000 kepada suami Allahyarhamah, Encik Muhamad Nor Syahiddan B Mohd Yunos di pejabat Perkeso Taiping. Tuan Pengurus juga memaklumkan bahawa suami Allahyarhamah akan menerima pencen bulanan ini sehingga akhir hayatnya manakala anak tunggal Allahyarhamah pula akan menerima pencen sehingga mencapai umur 21 tahun.

Pengorbanan seorang ibu yang mengandung anaknya.. Si ibu dan anak kedua yang dikandungnya pergi mengadap llahi di hospital Taiping..

Semoga ditempatkan di kalangan org yg beriman . takziah buat Sdr Shahidan (suami) dan seorang anak mereka yang masih kecil.. Banyakkan bersabar menghadapi dugaan ini.. InsyaAllah syurga buatmu Allahyarhamah Shamira..





PERKESO BANTU KELUARGA ARWAH PESAKIT KANSER PARU-PARU TAHP 4

4 September 2020

Mohd Salleh Bin Husin adalah pengidap kanser paru-paru tahap 4, semakan kelayakan caruman mendapat tidak layak di bawah Skim Pencen Ilat, Skuad Prihatin mahu membuat lawatan ke rumah beliau sehari selepas mendapat info OB di dalam "Facebook". Walaubagaimanapun, lawatan ke Pejabat Penghulu Mukim Lumut dibuat terlebih dahulu pada hari tersebut, Penghulu maklumkan beliau (Mohd Salleh) pada ketika itu berada di wad ICU Hospital Angkatan Tentera Lumut (HAT). Tujuan lawatan adalah mahu membekalkan diapers kepada Mohd Salleh. Namun, pada 31.8.2020, Mohd Salleh telah meninggal dunia tanpa sempat menerima sedikit bantuan daripada PERKESO. Walaubagaimanapun atas inisiatif Pengurus dan Skuad Prihatin, lawatan telah dibuat ke rumah ibu OB untuk memberi sedikit sumbangan kepada isteri dan anak-anak OB yang masih kecil.

**24 Julai 2020**

Satu lawatan prihatin dari Perkeso Taiping yang terdiri daripada Pengurus, YM Tunku Shahrain B Tunku Salehan, Pengurus Kes RTW, En Ahmad Fahmi Tohar, Pegawai Perubatan dan Pemulihan, En Saiful Bahtiar dan Skuad Perkeso Prihatin (SPP), En Ashraf Helmi telah hadir ke rumah Orang Berinsurans(OB) Muhamad Hazalani B Abu Bakar, 45 tahun di Taman Berkat, Taiping Perak yang merupakan seorang Pekerja Am di sebuah syarikat yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaran di Lebuhraya Utara Selatan dari Tol Kamunting sehingga Tol Jawi.

Pada 13 Jul 2020 jam 1125 pagi, ketika OB bersama-sama 3 lagi rakan sekertanya menaiki lori syarikat dalam perjalanan menuju ke Bandar Bharu bagi menjalankan tugas mereka, tayar lori yang dinaiki telah pecah dan menyebabkan lori terbabas dan terbalik. Lebih malang lagi selepas kejadian, lori tersebut telah dilanggar pula oleh sebuah kereta pacuan 4 roda.

Akibat daripada kemalangan ini OB telah tidak sedarkan diri dan telah dikejarkan ke Hospital Taiping dan telah dimasukkan ke wad sehingga 21 Jul 2020. OB disahkan mengalami kecederaan patah kedua kakinya, tulang belakang, kedua rusuk, bahu kanan, kecederaan dimuka, kepala, mata dan giginya. 3 lagi rakan OB hanya mengalami kecederaan ringan dan hanya mendapatkan rawatan pesakit luar sahaja.

Pada hari ini, Tuan Pengurus telah menyampaikan bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara (bayaran MC) dan turut menyampaikan bantuan alat pemulihan iaitu kerusi roda dan diapers kepada OB. Nasihat juga telah diberikan kepada OB dan keluarganya oleh Pengurus Kes RTW dan Pegawai Perubatan dan Pemulihan tentang tatacara tuntutan seterusnya yang akan diberikan oleh Perkeso bagi kes ini.

Kami di Perkeso Taiping mendoakan agar OB segera kembali pulih dan sembahu daripada kecederaan yang dialaminya ini.



LAWATAN PRIHATIN KEATAS OB YANG CEDERA PARAH



PENYERAHAN HAMPER SEMPENA RAMADHAN & AIDILFITRI SERTA BANTUAN ALAT PEMULIHAN KEPADA ORANG BERINSURAN PUAN NOR INUN BINTI DAUD

21 Mei 2020

PPP Teluk Intan, Puan Rak Boon A/K Tan Rat mengadakan lawatan bersama Adun Changkat Jong, YB Dato' Mohd Azhar Jamaluddin ke rumah Orang Berinsuran untuk penyerahan hamper sempena Ramadhan & Aidilfitri berserta bantuan Alat Pemulihan Berkala (Pampers) Kepada Penerima Pencen Ilat, Nor Inun Binti Daud.



LAWATAN PENYERAHAN BAUCER BAYARAN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT KE RUMAH ORANG TANGGUNGAN

23 Jun 2020

Skuad Prihatin Perkeso mengadakan lawatan ke rumah orang tanggungan untuk penyerahan baucer bayaran Faedah Pengurusan Mayat kepada penjaga anak Orang Berinsuran bagi kes Pencen Penakat D44Pkt20/564(lbu) & D44Pkt20/565(Ayah) serta baucer bayaran pertama untuk kes Penakat D44Pkt20/565 yang meninggalkan 2 orang anak.

JELAJAH PRIHATIN PERKESO 50 TAHUN KE RUMAH ORANG BERINSURANS (SARAWAK)

16 April 2021

Pejabat PERKESO Sarikei telah mengadakan lawatan Jelajah Prihatin PERKESO 50 Tahun ke rumah orang berinsurans. Lawatan ini dihadiri oleh Pengurus Pejabat PERKESO Sarikei, Puan Fenny Lim beserta Pengawai Pemulihan, Encik Joseph Sawong. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk menyerahkan alat-alat pemulihan untuk kegunaan orang berinsurans, pada masa yang sama turut diadakan sesi libat urus ringkas untuk mempromosikan program Prihatin Wanita bagi individu yang bekerja sendiri bersama ahli keluarga orang berinsurans dan ketua masyarakat iaitu Tuai Rumah.



JELAJAH PRIHATIN PERKESO 50 TAHUN KE RUMAH PESARA-PESARA PERKESO (SARAWAK)

15 April 2021

Sempena Sambutan Ulang Tahun Jubli Emas PERKESO yang ke-50 tahun, PERKESO telah mengadakan pelbagai program antaranya ialah Ziarah Prihatin PERKESO kepada pesara-pesara PERKESO di atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang berkhidmat di PERKESO.

Lawatan Siri 1 telah diadakan pada 9 April 2021 ke kediaman Encik Mohd Ramdzan Bin Hassan yang telah bersara pada tahun 2020 dan kemudiannya diteruskan ke kediaman Encik Hassim Bin Ibrahim di Taman Sukma, Kuching. Beliau merupakan mantan Pengurus PERKESO Sibu yang telah bersara pada tahun 2016. Lawatan diteruskan ke kediaman Encik Yaman Bin Taha yang merupakan 3 orang terawal berkhidmat di PERKESO Sarawak iaitu sekitar tahun 1974 dan bersara pada tahun 2007.

Sempena lawatan kerja Ketua Eksekutif PERKESO ke Sarawak pada hari ini, Dato Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed sempat menziarahi Encik Stamford Ng ke kediamannya di Jalan Nenas, Kuching. Beliau merupakan pengasas PERKESO Sarawak dan pegawai pertama yang berkhidmat dengan PERKESO mulai 1 April 1974 sehingga persaraannya pada sekitar tahun 1993.

Semoga kesemua mereka terus maju jaya dan sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera.



ZIARAH PRIHATIN PERKESO 50 TAHUN @ LIMBANG

8 April 2021

Sesi Ziarah Prihatin PERKESO sempena 50 tahun PERKESO diteruskan oleh PERKESO Limbang.

Skuad Prihatin Limbang menziarahi Puan Melviriani Anak Repol di Kg Batu Danau Limbang. Beliau merupakan pemohon di bawah Skim Keilatan PERKESO yang tidak disahkan llat tetapi disyorkan alat pemulihan. Kami menyampaikan Alat pemulihan iaitu walking frame dan sumbangan dari PERKESO Limbang berupa barang keperluan harian dan sedikit sumbangan kewangan.

Penerima faedah yang kedua dilawati pada hari ini adalah Puan Maslia di Kg Bunga Raya Limbang. Beliau sedang menerima faedah di bawah Pencen llat sejak tahun 2019. Skuad Prihatin Limbang juga berbesar hati menyampaikan sumbangan berupa keperluan harian dan sumbangan kewangan kepada beliau. Walaupun kelihatan agak lemah kerana baru pulang dari rawatan di Kota Kinabalu dan selesai tempoh kuarantin, Puan Maslia tetap ceria menyambut kedatangan kami. Di akhir sesi ziarah, beliau mengucapkan terima kasih dan selamat Hari Ulang Tahun ke 50 kepada PERKESO.





PENYERAHAN CEK KEPADA WARIS OB YANG MENINGGAL DUNIA AKIBAT COVID-19

23 Mac 2021

PERKESO serah FPM kepada waris

SIBU: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Sibu menyerauhkan faedah pengurusan mayat sebanyak RM2,000 kepada waris Syahrizan Sabri yang meninggal dunia pada Februari lalu.

Cek diserahkan Menteri Muda Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Dr. Annuar Rapa'e kepada ibu allahyarham, Zainon Haron, 72, di kediamannya di Jalan Abang Barieng, di sini, semalam. Hadir sama, Pengurus PERKESO Cawangan Sibu, Tan Phang Chia.

Tan ketika ditemui pemberita berkata, PERKESO Sibu telah mengambil tindakan proaktif melalui Skud PERKESO Pribatin dengan segera menjelaki waris untuk mendapatkan maklumat lanjut bagi tujuan semakan kelayakan OB (Orang Berinsurans) bagi membolehkan waris menerima faedah PERKESO.

"Hasil semakan mendapati waris allahyarham layak menerima bantuan di bawah Skim Keilatan yang mana waris akan layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM2000 dan Faedah Pencen Penakat," katanya.

Tan juga memberitahu, bahawa allahyarham merupakan pencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

(Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan Sendiri (Akta 800).

Jelasnya, di bawah akta ini, pencarum layak menerima faedah merangkumi faedah yang akan diperolehi oleh pencarum sekiranya berlaku bencana kerja, keilatan dan kematiian akibat kezuruan serta kehilangan pekerjaan.

"Dengan adanya faedah ini pencarum dan waris boleh tampil ke PERKESO untuk menyemak kelayakan dan seterusnya membuat permohonan faedah yang berkaitan.

"Dalam kontek ini, waris allahyarham yang layak adalah ibu kandung kerana allahyarham masih bujang dan tidak mempunyai anak.

"Ibu allahyarham akan menerima bantuan Pencen Penakat seumur hidup. Dengan adanya bantuan PERKESO, dapat meringankan beban yang ditanggung oleh waris atau Orang Tanggungan," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan mediannya, PERKESO kini memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dengan menggalas tanggungjawab khidmat sosial yang sedikit sebanyak membantu meringankan beban rakyat dalam menghadapi krisis kehidupan yang kini kian mencabar.



MANGSA LEMAS HILANG DI SANTUBONG DITEMUI



20 Januari 2021

Semakan mendapati Allahyarham merupakan pencarum aktif yang bekerja sebagai Juruteknik di Telekom Malaysia Berhad memenuhi syarat kelayakan caruman untuk warisnya menerima bantuan faedah PERKESO berupa Faedah Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Jenazah di bawah Skim Keilatan (Akta 4).

PERKESO diwakili oleh Encik Phillip Sangkan, Pengarah PERKESO Negeri Sarawak bersama dengan Tuan Haji Ibrahim bin Hamid, Ahli Lembaga PERKESO merangkap Presiden MTUC Sarawak dan Encik Abang Mohammed Razali bin Abang Salleh selaku Pegawai Skuad PERKESO Prihatin telah berkesempatan membuat kunjungan ke kediaman keluarga balu Allahyarham bagi penyerahan bantuan faedah PERKESO.



SESI PENYERAHAN CEK REPLIKA KEPADA BALU PEMANDU LORI TANKER MAUT JATUH GAUNG DI JALAN TATAU BINTULU



17 Julai 2020

Kunjungan Hormat kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, YB Dato' Sri Michael Manyin di pejabat beliau untuk penyampaian baucar bayaran dan replika cek Faedah Pengurusan Mayat kepada balu kepada Encik Joshua Suen Anak Kasin.

YAB KETUA MENTERI SARAWAK SEBAGAI SAKSI PENYERAHAN REPLIKA CEK FPM ATAS KEMATIAN ENCIK MOHAMAD HUSSIEN BIN ALI ANGGOTA SABERKAS

6 Julai 2020

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dilaksanakan baru-baru ini tidak menghalang Skuad PERKESO Prihatin Kuching untuk turun padang membantu dan menyelesaikan faedah yang layak kepada Orang Berinsurans dan Orang Tanggungan.

Antara kes yang mendapat perhatian PERKESO Kuching pada tempoh PKPB ialah berita pemergian Allahyarham Hussien Bin Ali, 56 yang tersiar dalam medial sosial Facebook SABERKAS. Allahyarham yang berkhidmat sebagai Penolong Unit Pengurusan Korporat (Perhubungan Awam) di SABERKAS disahkan meninggal dunia akibat masalah buah pinggang pada 31 Mei 2020 yang lalu.

Susulan daripada laporan tersebut, Skuad PERKESO Prihatin Kuching telah menjalankan siasatan dan semakan mendapati allahyarham adalah pencarum aktif dan waris layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2000.00 serta Pencen Penakat yang akan dibayar setiap bulan seumur hidup. Allahyarham meninggalkan seorang balu dan 4 orang anak yang mana dua daripadanya masih berumur di bawah 21 tahun.

Pada 6 Julai 2020, sesi penyampaian Faedah PERKESO telah disampaikan oleh Encik Phillip Sangkan, Pengarah PERKESO Negeri Sarawak kepada balu allahyarham iaitu Puan Selina binti Hamdi sambil disaksikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak. Hadir sama ialah pihak SABERKAS yang diwakili oleh YB Safiee Haji Ahmad, Setiausaha Agung SABERKAS yang turut menyampaikan sumbangan kepada waris dan Abang Mohammed Razali, Pegawai Skuad PERKESO Prihatin Kuching.

Semoga dengan adanya bantuan faedah ini mampu meringankan beban waris dalam menjalani kehidupan sehari-hari.





PENYERAHAN CEK BAYARAN HUS KEPADA MANGSA GIGITAN BUAYA

2 Disember 2020

Pada 2/12/2020, penyerahan cek HUS kepada OB, Subu Maralang telah disampaikan oleh Encik Ahmad Ghazali Bin Ramli, Penolong Pengurus Syarikat Kris Jati Sdn Bhd. Penyampaian dibuat di Hospital Lawas memandangkan OB masih lagi mendapatkan rawatan di sana. OB merupakan warga Indonesia yang bekerja di syarikat tersebut sebagai tukang tombak buah sawit. OB telah terlibat kemalangan pada 4/11/2020 semasa bekerja dimana OB telah diserang seekor buaya. Akibat kemalangan tersebut OB mengalami kecederaan pada kaki kiri disebabkan gigitan buaya tersebut.



ZIARAH PRIHATIN KE RUMAH OB DI KAMPUNG PAHLAWAN LIMBANG

20 November 2020

Pada 20.11.2020, Pengurus Perkeso Limbang bersama-sama 2 orang anggota telah mengadakan ziarah prihatin ke rumah OB di Kampung Pahlawan Limbang. Program ziarah prihatin ini rentetan daripada lawatan Pegawai Skuad Prihatin Perkeso Limbang, Puan Siti Saharah Binti Tair yang telah membuat lawatan ke rumah OB pada 18.11.2020 yang lalu selepas menerima makluman keadaan OB melalui aplikasi 'Whatsapp' daripada adik ipar OB pada pagi hari yang sama. Semakan caruman mendapati OB memenuhi syarat kelayakan penuh. Oleh Itu, Puan Siti Saharah yang juga merupakan Pegawai Pemulihan telah mengesyorkan bantuan alat pemulihan iaitu 'Shower Commode Chair' dan 'Ripple Mattress'. Turut hadir semasa program ziarah prihatin ini adalah YB Wali Kota Limbang, Kaunselor Sopian Bin Mohat. Semasa program tersebut penyerahan bantuan alat pemulihan tersebut telah diberikan untuk keperluan OB.



5 Mei 2021

Penyerahan bayaran Faedah Orang Tanggungan (FOT) PERKESO kepada anak tunggal arwah Amat Bin Rodolfo, adik Nurnilamsari Binti Amat (14 tahun). Adik Nurnilamsari telah kehilangan ayah setelah ayah beliau terlibat dalam kemalangan maut.

Dalam kejadian pada 21.03.2021, Allayarham Amat Bin Rodolfo yg bekerja sebagai pemandu bas mini telah dirempuh oleh sebuah kendaraan pacuan empat roda dari arah belakang ketika menukar tayar di tepi jalanraya.

Selain pihak PERKESO, hadir bersama untuk menyampaikan bayaran tersebut adalah Ketua Cawangan LPKP Sandakan, Encik Mohd Sofian Eting, dan majikan arwah, Puan Aslinah Amor daripada Syarikat Pengangkutan Permata Ilham.

Harapan PERKESO agar dengan lawatan dan bayaran yang diterima dapatlah memberi suntikan moral dan memberi kesinambungan hidup kepada adik Nurnilamsari.



RAMADHAN DAN SYAWAL TANPA AYAH



Dua maut, seorang parah dilanggar ketika tukar tayar bas mini

Radhi Muslim
Mac 21, 2021 17:36 MYT

Anggota bomba mengeluarkan mayat dari bawah kendaraan pacuan empat roda yang merempuh bas mini dalam kejadian di Jalan Utara, dekat Batu 5, Sandakan pada Ahad. - Gambar Astro AWANI



3 Mei 2021

Skuad Prihatin PERKESO Lahad Datu telah berkunjung membuat lawatan sempena Program Sumbangan Sesuci Ramadhan Peringkat Pejabat PERKESO Lahad Datu 2021 ke rumah baliu, Nurhani binti Kiba yang telah kematian suami akibat masalah kesihatan yang serius.

Berita sedih ini telah diterima dan diambil tindakan yang pantas oleh Pejabat Perkeso Lahad Datu. Susulan tindakan dan semakan yang dijalankan, mendapati arwah Rosli bin Ladena telah meninggal dunia di Hospital Lahad Datu akibat jangkitan denggi berdarah. Arwah telah berjuang melawan jangkitan tersebut selama 3 hari di wad biasa dan 11 hari di wad ICU sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 1 Syawal tahun lalu.

Puan Nurhani juga layak menerima Faedah Pencen Penakat atas kehilangan suami. Beliau yang merupakan ibu kepada 6 orang anak mengucapkan syukur dan terima kasih kepada PERKESO atas faedah yang diberikan kepadanya. Beliau kini turut menjalankan aktiviti jualan roti secara kecil-kecilan bagi menambah pendapatan keluarga beliau. Tambahan pula, anak-anak arwah akan dimasukkan sebagai anak-anak angkat PERKESO sebagai usaha memastikan pembelajaran anak-anak arwah terjamin. Anak bongsu arwah yang berumur 5 tahun kini bersekolah di Tadika Pasti atas permintaan terakhir arwah.

Faedah Pencen Penakat adalah faedah yang dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Diharap usaha dan bantuan yang diberikan oleh PERKESO ini dapat meringankan beban mereka, lagi-lagi di bulan Ramadhan ini dan Syawal yang bakal tiba nanti. Salam takziah daripada PERKESO Lahad Datu buat Puan Nurhani sekeluarga.

LAWATAN SEMPENA PROGRAM SUMBANGAN SESUCI RAMADHAN PERINGKAT PEJABAT PERKESO LAHAD DATU 2021

LAWATAN BERSAMA YB TUAN HAJI MOHAMAD HAMSAN AWANG SUPAIN

19 Mac 2021

Penerima merupakan anak yatim piatu, menerima pencerpenanak dari arwah ayah dan ibu.



LAWATAN ELS & PEMBEKALAN ALAT PEMULIHAN

9 Februari 2021

Lawatan ke rumah OB Tenik @ Justin Bin Gausin di Kampung Susuron Tambunan pada 09.02.2021 untuk lawatan ELS dan pembekalan alat pemulihan seperti 'Adult Diaper', 'Urine Bag', '2Wayfoley Chatater' dan 'Ripple Mattress'.

“SAYA TIDAK TAHU ANAK SAYA LAYAK UNTUK MENDAPAT FAEDAH PERKESO DISEBABKAN ALMARHUM SUDAH SETAHUN TIDAK BEKERJA.”



18 Februari 2021

Skuad Prihatin PERKESO Tawau telah bertandang ke kediaman waris Orang Berinsurans Almarhum Mohammad Nazreen Bin Salama. Pada lawatan tersebut pihak PERKESO Tawau telah menyerahkan cek Faedah Pengurusan Mayat kepada ibu almarhum iaitu Puan Siti Junainah Binti Osman @ Othman selaku waris OB. Cek yang bernilai sebanyak RM2000.00 telah disampaikan secara langsung oleh Pengurus Pejabat PERKESO Tawau iaitu Encik Joseph Immanuel. Melalui semakan kelayakan caruman, waris almarhum iaitu kedua-dua ibu bapa dan adik OB akan menerima bayaran Pencen Penakat setiap bulan dibawah Skim Keilatan. Semasa lawatan Skuad Prihatin PERKESO Tawau, ibu almarhum memanjatkan rasa kesyukuran atas keprihatinan pihak PERKESO dalam membantu Orang Berinsurans PERKESO. "Saya tidak tahu anak saya layak untuk mendapat faedah PERKESO disebabkan almarhum sudah setahun tidak bekerja. Terima kasih PERKESO Tawau kerana prihatin dalam menyampaikan faedah kepada kami sekeluarga" - Siti Junainah Binti Osman.

LAWATAN SIASATAN FAEDAH FHUS

11 Februari 2021

Lawatan siasatan kes Faedah FHUS di premis Mutiara Eramas Sdn Bhd, Sepulut dan rumah OB Rastinah Binti Babawor @ Babanos di Kampung Koyoon, Sepulut.



PENYERAHAN FPM BERSAMA PPM DUN SG. MANILA

26 Mac 2021

Penyerahan baucer FPM - Kes kematian Ketua Pemuda Umno Bahagian Beluran.





27 Januari 2021

Suasana hening fajar pagi 14hb Januari 2021 yang lalu menjadi kelam kabut apabila dua buah rumah di Kampung Melikai, Menumbuk rentung dijilat api. Tambah menyedihkan lagi seorang anggota keluarga rumah yang terlibat, turut terkorban.

Dalam kejadian kira-kira jam 6 pagi itu, mangsa Mohd Ikmal Abdullah, 50, ditemukan rentung di salah sebuah rumah yang terbakar. Allahyarham yang juga merupakan seorang Penerima Pencen Ilat di PERKESO Beaufort difahamkan tinggal bersama tiga lagi ahli keluarganya, gagal menyelamatkan diri sebelum terperangkap di dalam rumah terbabit.

Skuad Prihatin PERKESO dengan bantuan Pengarah YADIM Negeri Sabah Tuan Haji Samin Ongki, yang rapat dengan penduduk Kg Melikai telah menjelaki waris orang berinsurans Puan Sayamia Binti Onsin dan dua orang anaknya, dengan kerjasama Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil Menumbuk, Tuan Juomat Haji Bisnim.

Hari ini (27.01.2021), Skuad Prihatin PERKESO Beaufort, bersama YADIM Negeri Sabah dan Badan Dakwah Daerah Kecil Menumbuk telah menyantuni waris orang berinsurans yang menumpang rumah keluarga di Kg Melikai. Pada lawatan singkat tersebut, YADIM Negeri Sabah telah menyerahkan bantuan bakul makanan, Badan Dakwah Daerah Kecil Menumbuk menyalurkan sumbangan sebanyak RM1,000.00 bagi setiap keluarga yang terlibat dan Skuad Prihatin PERKESO Beaufort telah menyumbangkan bekalan barang dapur serta Faedah Pengurusan Jenazah berjumlah RM2,000.00. Adalah diharapkan bantuan yang dihulurkan ini dapat meringankan beban musibah yang ditanggung oleh keluarga ini.

Badan Dakwah Daerah Kecil Menumbuk juga sedang merancang untuk membina semula rumah kediaman bagi kedua-dua keluarga dengan bantuan infak dari masyarakat. Usaha ini bagi membolehkan kedua-dua keluarga menyambut Ramadhan di rumah sendiri. Sempat juga buat libaturus Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di Kg Lambidan, Menumbuk sempena penyerahan bantuan bakul makanan kepada para nelayan di Kg Lambidan oleh YADIM Negeri Sabah.

Lelaki ditemukan rentung

ASYIKIN ASMIN
14 JAN 2021

A- A+



Mayat mangsa ditemukan di bahagian dapur salah sebuah rumah yang terbakar di Kampung Melikai, Menumbuk.

MENUMBOK – Seorang lelaki rentung selepas dipercaya gagal menyelamatkan diri dalam kebakaran memhabitkan dua rumah di Kampung



KES KEMATIAN COVID-19 MENINGGAL DUNIA DI HOSPITAL TAWAU PADA 04.11.2020

2 Disember 2020

Pada 02.12.2020, lebih kurang jam 10.30 pagi, majlis penyerahan 'Mock Cheque' FPM bagi kes kematian Covid-19 telah disempurnakan oleh Tuan Pengurus Joseph Immanuel PP Tawau, bersama team Skuad Prihatin PP Tawau berserta media (Bernama), di kediaman adik OB beralamat di Taman Semarak Tawau.

KES KEMATIAN OB DI JALAN KENINGAU TAMBUNAN DEKAT KG BAGIAN, TAMBUNAN PADA 4.10.2020

6 Oktober 2020

Lawatan telah dilakukan di rumah mendiang OB (Juppiri @ Ayuk Bin Bundui @ Bundo) di Kg. Berungis Baru, Bingkor, Keningau untuk mendapatkan maklumat lanjut kes kematian OB di Jalan Keningau Tambunan dekat Kg Bagian, Tambunan pada 4.10.2020. Semakan mendapati OB layak FPM. Kes akan dikemuka ke PPN Sabah untuk siasatan lanjut kes FHUS.





LAWATAN SKUAD KE WAD ICU HDOK (KES BOT KARAM)

14 Februari 2020

Lawatan dibuat atas maklumat pemandu bot mengalami kecederaan parah. Namun semakan mendapati mangsa cuma ada satu caruman di Akta 4 & tiada caruman SPS.

Alor Setar



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA



Cawangan Skuad Prihatin & Sinergi,
Bahagian Faedah
Pejabat Timb. Ketua Eksekutif (Operasi)
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
E-mel: sinergiprihatin@perkeso.gov.my
Web: www.perkeso.gov.my